

"BEGITULAH peranan pendidikan dan nasihat dalam membina ummah. Sebab itu juga, jika pendidikan dan nasihat itu salah, maka ia boleh meruntuhkan ummah".

- Titah Sempena Hari Raya Aidiladha pada 20 Januari 2005M.



Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
4.57 5.07 6.30 6.55 12.27 3.49 6.21 7.36

TAHUN 66 / BILANGAN 3

6 JANUARI 2021 / 1442 جمادى الأول 22

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 5 JANUARI 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN

172

JUMLAH KEMATIAN

3

JUMLAH KES YANG SEMBUH

149

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

"DAN Kami (Allah) turunkan daripada Al-Quran itu (ayat-ayat suci) yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Isra', ayat 82.

# Ekonomi negara meningkat

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Januari. - Pada suku ketiga (Q3) 2020, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam (NBD) pada harga semasa berjumlah BND4.0 bilion berbanding BND4.2 bilion pada Q3 2019.

Sektor Minyak dan Gas merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas serta pembuatan gas cecair asli (LNG)

adalah bernilai BND1.8 bilion yang menyumbang sebanyak 45.4 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar (GVA).

Sementara itu, Sektor Bukan Minyak dan Gas, yang termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, menyumbang sebanyak 54.6 peratus dengan nilai BND2.2 bilion.

Ke muka 4

## COVID-19 : Sifar kes baharu

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 172 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 244 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir

dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 31 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, 20 kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 149 orang.

Ke muka 3

## Sesi persekolahan 2021 bermula



SEMUA sekolah di negara ini, tidak kira kerajaan mahupun swasta di semua peringkat, iaitu rendah, menengah, institusi pengajian tinggi memulakan lembaran baharu sesi persekolahan bagi tahun 2021 selepas menjalani cuti persekolahan akhir tahun selama sebulan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BRUNEI DARUSSALAM

2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



11 ikuti Kursus Jungle Rescue Bukit Saeh

Muka 3



MAJLIS Mandi Belawat

Muka 27

# Pelan strategik diharap dapat memenuhi aspirasi, jangkaan orang ramai

Bismillahir Rahamanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Selamat Pagi pada semua dan Salam Sejahtera

**A**LHAMDULILLAH, Majlis pelancaran Pelan Strategik Keselamatan Jalanraya 2025 pada pagi ini merupakan satu milestone yang penting dalam perkembangan keselamatan jalan raya di negara ini. Pelan Strategik ini merupakan kesinambungan dan pengemaskinian ke atas Blueprint Decade of Action For Road Safety 2011-2020 Brunei Darussalam. Penyediaan pelan ini mengambil kira pandangan dan perbincangan di dalam beberapa siri mesyuarat dan bengkel yang melibatkan semua pihak yang berkepentingan. Ringkasnya, inisiatif ini adalah bukan sahaja pencapaian MKKJR, bahkan ianya merupakan satu pencapaian Whole of Nation.

Alhamdulillah dengan izin Allah Subahanahu Wata'ala jua dan berkat usaha sepadu yang berterusan oleh semua pihak-pihak berkenaan secara Whole of Nation di Negara Brunei Darussalam, kemalangan jalan raya secara am telah pun memperlihatkan tren penurunan sebanyak 55 peratus iaitu daripada 29 fataliti pada tahun 2017 kepada 13 fataliti pada tahun 2019 dan seterusnya menurun lagi ke 11 fataliti setakat November 2020. Sama-sama kita semua terus berusaha dan berdoa semoga trend penurunan ini akan berterusan dengan hasrat tujuan kita mencapai ke arah sifar fataliti bagi kemalangan jalan raya di Negara Brunei Darussalam.

Pelan Strategik ini disediakan dengan beberapa hasil strategik meliputi keselamatan untuk semua pengguna jalan raya, budaya keselamatan, piawaian dan infrastruktur. Beberapa *strategic pillars* telah dikenal pasti termasuk penguatkuasaan undang-undang yang lebih efektif; rangka perundangan dan peraturan yang lebih mantap; pengukuhan *governance* dan kepimpinan; *data collection* yang efektif dan penggunaan teknologi.

Pelan ini mengandungi 160 inisiatif yang mana 48 inisiatif daripadanya disasarkan untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang. Adalah diharapkan pelan ini akan dapat memenuhi aspirasi dan jangkaan orang ramai bagi mewujudkan persekitaran keselamatan jalan raya dan pemanduan yang lebih selamat dan kondusif di negara ini.

Ingin saya kongsikan, dalam penyediaan pelan strategik ini, salah satu perbincangan hangat adalah mengenai visi Pelan Strategik ini. Akhirnya, persetujuan dan kesepakatan telah pun dicapai untuk memilih visi *Zero road accident fatalities* ataupun sifar kehilangan nyawa kemalangan jalan raya.

Adalah disedari sasaran sifar ini bukan



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) sempena Majlis Pelancaran 'The Brunei Darussalam Road Safety Strategic Plan 2025' pada Isnin, 28 Disember 2020 Masihi bersamaan 13 Jamadilawal 1442 Hijrah di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

mudah untuk dicapai. Akan tetapi, kita juga menyedari, dan perlu menyedari, setiap nyawa pengguna jalan raya adalah sangat berharga dan tidak ternilai. Sebarang kehilangan nyawa bahkan sebarang kemalangan jalan raya mempunyai impak yang besar dan jangka panjang kepada mangsa, keluarga dan juga masyarakat.

Kesimpulannya, kita boleh bercakap dan menyediakan pelan, perancangan dan berbagai inisiatif, tetapi kita juga perlu sedar impak dan mengambil berat kesan walaupun pun kehilangan nyawa akibat kemalangan jalan raya. Oleh itu, sasaran sifar ini, walaupun bukan mudah untuk dicapai, ianya amat penting dijadikan panduan dan hasrat kita semua.

Oleh yang demikian, bagi memudahkan lagi orang ramai untuk memahami dan mengetahui lagi usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif MKKJR ke arah visi *Zero road accident fatalities*, suka cita saya mengongsikan bahawa Pelan Strategik ini akan dimuat naik dan dapat dilayari di laman web rasmi MKKJR di [www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn) selepas saja

pelancarannya pagi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian, dalam mensejajarkan usaha-usaha ke arah sasaran tersebut, izinkan saya di sini mengongsikan empat (4) perkembangan terkini berhubungan dengan inisiatif dasar pengangkutan di Negara Brunei Darussalam.

Pertama sekali, pada bulan Ogos tahun ini, satu projek rintis (*pilot project*) telah pun dilancarkan untuk menggantikan *speed warning devices* (SWDs) di bawah Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya 2002 iaitu (Motor Vehicle : speed warning device) dengan teknologi In-Vehicle Monitoring System (IVMS) yang menggunakan teknologi Global Positioning System iaitu (GPS).

Projek rintis yang bertujuan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya terutama sekali bagi kenderaan komersial, kenderaan berat dan kenderaan pengangkutan awam melalui pemantauan kelajuan kenderaan, insyaAllah akan selesai tempohnya pada bulan Februari 2021, tahun depan, dan penganalisaan ke atas dapatan-dapatannya akan dijalankan bagi pertimbangan untuk pelaksanaan inisiatif ini secara sepenuhnya nanti.

Perkara kedua yang ingin saya kongsikan adalah mengenai perkembangan kenderaan elektrik atau Electric Vehicles (EV). Alhamdulillah kebenaran telah diberikan bagi pelaksanaan satu Projek Pintis bagi Kenderaan Letrik (EV) yang insyaAllah mulai pada Suku Pertama tahun 2021 dan akan dijalankan selama dua tahun. Projek rintis ini adalah selaras dengan 'The Brunei Darussalam National Climate Change Policy' ataupun (BNCCP) yang akan melakar jalan ke arah kedayatahan negara dalam perubahan cuaca dan emisi karbon rendah.

Seperti juga Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Brunei Darussalam ini, Dasar Perubahan Cuaca Kebangsaan ini turut menjurus dan berpandukan kepada prinsip mencapai Wawasan 2035 dan mempromosikan sekuriti, kedayatahanan dan kemakmuran ekonomi melalui pendekatan karbon yang rendah dalam memelihara persekitaran dan kedayatahanannya.

Dalam melaksanakan keperluan perundangan yang meliputi isu teknikal, harga dan infrastruktur, pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti pengedar kenderaan (*car dealers*) akan turut melaksanakan promosi mengenai kenderaan letrik bagi meluaskan dan meningkatkan pembarganya. InsyaAllah dalam masa lima tahun dari pelancaran Pelan Strategik EV yang disasarkan pada 2021 nanti, penetapan dasar dan penyediaan infra pengecasan, antara lainnya, akan disasarkan untuk dilaksanakan.

Ke muka 3

## Dari Sidang Pengarang.

6 JANUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الاول

### DUKUNG MISI, VISI PELAN STRATEGIK

**M**AJLIS Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) baru-baru ini melancarkan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya bagi Brunei Darussalam (The Brunei Darussalam Road Safety Strategic Plan) 2025 yang mengandungi 48 inisiatif dan akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Visi pelan tersebut, iaitu *zero road accident fatalities* dipilih dan disejajarkan dengan Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi 2025, bagi menekankan betapa pentingnya nyawa pengguna jalan raya dan ia sangat berharga serta tidak ternilai.

Lima Strategic Outcomes (SO) dikenal pasti bagi mendukung misi dan visi Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Brunei Darussalam 2025, iaitu Progressive Road Safety Culture For All; Progressive Road Safety for All on the Move; High Safety Standard For All Road Vehicles; Recognized Safe Road Infrastructure and Dependable, Timely and Reliable Emergency Response.

Semasa pelancaran Pelan Strategik tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, selaku Pengerusi MKKJR turut mengongsikan mengenai penurunan trend kemalangan jalan raya secara am sebanyak 55 peratus iaitu daripada 29 fataliti pada tahun 2017 kepada 13 fataliti pada tahun 2019 dan seterusnya menurun lagi ke 11 fataliti setakat November 2020.

Selain itu, turut dikongsikan mengenai empat perkembangan terkini berhubungan dengan inisiatif dasar pengangkutan di NBD, iaitu satu projek rintis (*pilot project*) telah pun dilancarkan untuk menggantikan Speed Warning Devices (SWDs) di bawah Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya 2002 iaitu (Motor Vehicle : Speed Warning Device) dengan teknologi In-Vehicle Monitoring System (IVMS) yang menggunakan teknologi Global Positioning System, iaitu (GPS).

Perkembangan kedua mengenai perkembangan kenderaan elektrik atau Electric Vehicles (EV) di mana kebenaran diberikan bagi pelaksanaan satu projek rintis bagi EV tersebut pada suku pertama tahun 2021 dan akan dijalankan selama dua tahun.

Perkara ketiga turut dikongsikan berkaitan dengan usaha MKKJR dalam menangani isu-isu keselamatan jalan raya iaitu isu plat Lesen Kenderaan yang kabur dan semakin berleluasa di negara ini. Jabatan Pengangkutan Darat telah pun mengambil langkah-langkah bagi memastikan kualiti plat lesen tidak terjejas dengan menawarkan potongan harga kepada orang ramai bagi mengantikan nombor plat pendaftaran kenderaan yang telah pudar, dibekalkan oleh syarikat yang ditentukan bagi tempoh selama tiga bulan mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

Perkara keempat ialah perkembangan terkini mengenai Sistem Road Accident Data Enhancement and Development (RADED) iaitu sebagai perkembangan yang positif dalam membantu pengumpulan dan penganalisaan data kemalangan yang telah melalui fasa percubaan (*go-live, trial period*) semenjak 1 Julai 2020.

Bagi memudahkan orang ramai untuk memahami dan mengetahui lagi usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif MKKJR ke arah mencapai visi tersebut, Pelan Strategik ini dimuat naik dan dapat dilayari di Laman Sesawang Rasmi MKKJR, [www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn).

Dalam kesempatan ini juga, adalah disarankan kepada semua pengguna jalan raya untuk sentiasa memulakan setiap perjalanan dengan doa, di samping meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika memandu serta mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah.

- Ketua Penyuntingan (Hs)

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
31 °C	32 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
6	RABU	22	4.57	5.07	6.30	6.55	12.27	3.49	6.21 7.36
7	KHAMIS	23	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22 7.36
8	JUMAAT	24	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22 7.37
9	SABTU	25	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23 7.37
10	AHAD	26	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23 7.37
11	ISNIN	27	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24 7.38
12	SELASA	28	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24 7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC  
2380214

# 11 ikuti Kursus Jungle Rescue Bukit Saeh



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 5 Januari. - Seramai 11 orang ahli mengikuti latihan Kursus Jungle Rescue Bukit Saeh yang diselaraskan oleh SO Matassan bin Yussof dari Cawangan Operasi 'D'.

Kursus tersebut dijalankan

selama tiga hari bermula 6 Disember 2020, 11 Disember 2020 dan 13 Disember 2020.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Taman Riadah Bukit Saeh, Lumapas dirasmikan baru-baru ini yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang

**Siaran Akhbar dan Foto :**

Jabatan Bomba dan Penyelamat

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa merasmikan Taman Riadah Bukit Saeh Lumapas.**

di samping membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air bagi keperluan jika berlaku kecemasan.

Para pendaki bukit juga diingatkan supaya mengetahui kawasan yang hendak dituju bagi mengelak tersesat, selain memastikan keadaan cuaca dari semasa ke semasa serta tidak berseorangan semasa mendaki bukit, dikhawatir perkara yang tidak diingini berlaku.

Bukan itu sahaja, mereka juga hendaklah mengetahui akan kemampuan diri sendiri jika hendak mendaki bukit yang tinggi.

Jika berlaku sebarang insiden, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.



**YANG Berhormat pada sesi bergambar ramai pada latihan Kursus Jungle Rescue Bukit Saeh.**

## HALUAN

### Pelan strategik diharap dapat memenuhi aspirasi, jangkaan orang ramai

Dari muka 2

Seterusnya perkara ketiga yang ingin saya kongsikan yang berkaitan dengan usaha MKKJR dalam menangani isu-isu keselamatan jalan raya adalah mengenai isu plat lesen kenderaan yang kabur yang sudah menjadi isu yang semakin berleluasa di negara ini.

Alhamdulillah, sukacita saya mengongsikan di sini bahawa bagi membantu orang ramai, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) telah pun mengambil langkah-langkah bagi memastikan kualiti plat lesen tidak terjejas dengan menawarkan potongan harga kepada orang ramai bagi mengantikan Nombor Plat Pendaftaran Kenderaan yang telah pudar yang dibekalkan oleh syarikat yang ditentukan bagi tempoh selama tiga (3) bulan mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

Di samping itu juga, JPD telah menubuhkan satu kumpulan tindakan bagi membuat kajian mengenai Nombor Plat Pendaftaran Kenderaan yang pudar dan seterusnya akan menjalankan ujian-ujian teknikal bagi memastikan Nombor Plat Pendaftaran Kenderaan adalah berkualiti dan memenuhi spesifikasi.

Akhir sekali, perkara keempat yang ingin saya kongsikan adalah perkembangan terkini mengenai Sistem Road Accident Data Development and Enhancement (RADED) iaitu yang turut dipamerkan di lobi Kementerian ini dan yang telah dikongsikan oleh Pengerusi Majlis sebentar tadi.

Sebagai perkembangan yang positif dalam membantu pengumpulan dan penganalisaan data kemalangan yang telah melalui fasa percubaan (*go-live, trial period*) semenjak 1 Julai 2020, insyaAllah penggunaan sepenuhnya yang disasarkan pelaksanaannya mulai 1 Januari 2021 diharapkan akan dapat mempercepatkan sebarang keputusan yang perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kesemua pihak yang terlibat di atas sokongan dan komitmen mereka dalam sentiasa melaksanakan, menjayakan dan membarigakan usaha-usaha ke arah sama-sama meningkatkan keselamatan jalan raya. Terima kasih juga diucapkan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan, iaitu (NGOs) yang sentiasa turut memainkan peranan penting dalam menjana tenaga dan kefaamanan yang mendalam mengenai keselamatan jalan raya.

Tidak lupa juga, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Mudah-mudahan usaha yang dijalankan ini mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'alai jua, Amiin Ya Rabbal 'Alameen.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## COVID-19 : Sifar kes baharu

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

Dari muka 1

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 590 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 10,568 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 160 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 84,080 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

### Ringkasan Kes

<b>Kes Baru Hari Ini</b>		<b>Jumlah Keseluruhan Kes</b>		
<b>0</b>	<b>172</b>	<b>Kes Sembuh Hari Ini</b>	<b>Kes Aktif</b>	<b>Kematian</b>
<b>0</b>	<b>20</b>		<b>3</b>	<b>149</b>

**Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19**

**Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan**

**Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (244 hari yang lalu)**

**31 Kes**

### Ringkasan Pengasingan Diri

<b>Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori</b>	<b>Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)</b>
<b>590</b>	<b>10,568</b>

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

<b>Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam</b>	<b>Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)</b>
<b>160 sampel</b>	<b>84,080</b>

# OECD puji perkembangan dikecapi CCBD



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyertai bengkel dalam talian, bertajuk 'Competition Workshop for Younger Competition Agencies - First Steps' yang diadakan pada Disember tahun lepas.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Usaha dan perkembangan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (Competition Commission Brunei Darussalam - CCBD) dalam melaksanakan Perintah Persaingan mendapat pujian daripada pihak Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) semasa bengkel dalam talian, bertajuk 'Competition Workshop for Younger Competition Agencies - First Steps' yang diadakan pada Disember tahun lepas.

Perkembangan pelaksanaan Perintah Persaingan di Negara

Brunei Darussalam, termasuk penguatkuasaan larangan Perjanjian Anti-Persaingan, pembangunan rangka perundangan yang efektif dan usaha pembarigaan, dikongsikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi selaku Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam di dalam ucaptama beliau.

Bengkel dalam talian selama sehari tersebut dianjurkan bersama oleh CCBD dan OECD, Korea Policy Centre (KPC), di bawah Program Persaingan OECD / KPC.

Bengkel disasarkan kepada agensi-agensi persaingan muda di rantau ASEAN bertujuan untuk memberikan ruang perkongsian pengetahuan dan pengalaman mengenai langkah-langkah permulaan yang diperlukan untuk melaksanakan juga menguatkuasakan perundangan persaingan.

Lebih daripada 20 pegawai dari agensi-agensi persaingan muda di rantau ASEAN, termasuk CCBD; Myanmar Competition Commission; Lao Business Competition Commission; dan Consumer Protection Competition and Fraud Repression of Cambodia (CCF) menyertai bengkel berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat Nik Hafimi, menekankan betapa pentingnya

bengkel berkenaan dalam membantu agensi-agensi persaingan muda membina keupayaan masing-masing untuk melaksanakan dan menguatkuasakan perundangan persaingan secara berkesan ke arah mencapai matlamat bagi meningkatkan kecekapan ekonomi juga kesejahteraan pengguna.

Dipimpin oleh Professor William Kovacic dari George Washington University, bengkel membincangkan lima tugas utama untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi persaingan muda yang merangkumi pengukuhan rangka institusi; penetapan teras strategik dan pemilihan projek; penyampaian projek yang memberi impak; sosialisasi dan pembarigaan yang berkesan; juga

penilaian dan penambahbaikan secara kerap.

Beliau turut memberikan penekanan terhadap kepentingan bagi agensi-agensi persaingan muda untuk mempunyai asas yang tepat dalam memastikan pelaksanaan perundangan persaingan yang cekap dan efisien.

Peserta bengkel juga dide dah dengan pengalaman awal Philippines Competition Commission (PCC) dalam melaksanakan perundangan persaingan.

Pengerusi PCC, Tuan Arsenio Balisacan mengongsikan bahawa PCC memanfaatkan bantuan teknikal yang dihulurkan oleh rakan pembangunan dalam usaha bagi membina sumber PCC. Ini membolehkan PCC untuk meningkatkan dan membina kapasiti penguatkuasaan dengan mempelajari daripada pengalaman agensi-agensi persaingan yang lebih matang.

Juga penting adalah untuk mendapatkan *buy-in* daripada pihak kerajaan ke arah mencapai objektif yang sama, iaitu pasaran yang kompetitif.

Bengkel diakhiri dengan ucapan penutup daripada Pakar Persaingan Kanan OECD, Tuan Ruben Maximiano dengan catatan positif untuk memperkuuhkan kerjasama di antara OECD dan ASEAN dalam hal ehwal persaingan.

Program Persaingan OECD / KPC merupakan program yang membantu penguatkuasa perundangan persaingan untuk bertukar pengalaman juga meningkatkan keupayaan dalam perundangan dan dasar persaingan melalui platform, seperti bengkel juga seminar.

## Ekonomi negara meningkat

### Dari muka 1

Pada harga tetap, KDNK pada Q3 2020 meningkat sebanyak 0.5 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 8.0 peratus. Manakala, Sektor Minyak dan Gas

mencatatkan penurunan sebanyak 5.7 peratus.

Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disebabkan oleh aktiviti hiliran berikut pengeluaran baharu produk petroleum dan kimia, dengan nilai tambah kasar sebanyak BND208.9

juta pada harga tetap.

Manakala, penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 113.3 ribu tong sehari pada Q3 2019 kepada 100.5 ribu tong sehari pada Q3 2020.

Manakala pengeluaran gas asli juga menurun daripada 31.0 juta meter padu sehari pada Q3 2019 kepada 30.6 juta meter padu sehari pada Q3 2020.

Selain itu, pengeluaran LNG menurun daripada 843,994 MMBtu sehari kepada 833,565 MMBtu sehari pada tempoh masa yang sama.

Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada Q3 2020 adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Industri sebanyak 0.7 peratus berikut pengeluaran baharu produk petroleum dan kimia.

Ini juga diikuti oleh Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan yang mencatatkan kenaikan sebanyak 15.6 peratus berikut peningkatan dalam pengeluaran Subsektor-subsektor Perikanan dan Ternakan.

Peningkatan dalam aktiviti perikanan adalah terutamanya disebabkan peningkatan dalam industri akuakultur selaras dengan peningkatan pengeluaran udang ternakan.

Manakala, peningkatan dalam aktiviti ternakan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran telur ayam dan ayam pedaging.

Walau bagaimanapun, Sektor Perkhidmatan menurun sebanyak

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

### KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap:



	Q3 2019	Q3 2020	% Pertumbuhan
<b>Permintaan Dalam Negeri</b>	<b>4,111.3</b>	<b>4,360.0</b>	<b>6.0</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,048.0	960.1	(8.4)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	975.6	1,113.1	14.1
Perbelanjaan Kapital	2,087.7	2,286.8	9.5
<b>Permintaan Luar Negeri</b>	<b>2,338.0</b>	<b>2,344.7</b>	<b>0.3</b>
Eksport Barang dan Perkhidmatan	2,338.0	2,344.7	0.3
<b>KDNK</b>	<b>4,610.5</b>	<b>4,631.9</b>	<b>0.5</b>

dan Runcit adalah selaras dengan peningkatan permintaan dalam negeri berikut penyelepasan perjalanan keluar negara semasa pandemik COVID-19.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, pertumbuhan KDNK adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan Permintaan Dalam Negeri iaitu Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 14.1 peratus dan Perbelanjaan Kapital sebanyak 9.5 peratus khususnya pelaburan swasta.

Manakala, Permintaan Luar Negeri iaitu eksport barang dan perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Ketiga 2020 boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES : [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).



# Operasi Selongkar : Pastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi



SEMASA pemeriksaan dijalankan bermula jam 10.00 pagi tersebut, Pegawai Penguatkuasa dari Jabatan Buruh mendapati seorang pekerja asing berjawatan Buruh Binaan melakukan pekerjaan menyapu lantai.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Januari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengadakan Operasi Selongkar 01/2021 di Kompleks Membeli-belah, Kampung Sungai Tilong kelmarin, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Semasa pemeriksaan dijalankan bermula jam 10.00 pagi tersebut, Pegawai Penguatkuasa dari

Majikan juga dipercayai gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas (*first aid*) di dalam premis kedai berkenaan.

Bagi kesalahan gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu didenda kompaun kepada majikan sebanyak BND160 bagi kesalahan pertama dan BND320 bagi kesalahan kedua mengikut kesalahan di bawah bab 70.

Manakala kesalahan bekerja tidak mengikut kebenaran LPA, iaitu bekerja di syarikat lain, penyalahgunaan jawatan serta menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua mengikut kesalahan di bawah bab 12, bab 82 dan bab 86 serta bab 112.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih.

Jabatan Buruh juga menasihatkan kepada majikan untuk tidak menyalahgunakan

LPA dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan

Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

## Pertandingan Mencipta Logo HK Ke-37 dibukakan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Infografik : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسإن نكارا بروني دارالسلام  
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PERTANDINGAN MENCINTA LOGO

Untuk mendaftar dan keterangan lebih lanjut  
layari dilaman sesawang:

<http://bit.ly/LogoHK37>

TARIKH TUTUP: 20 JANUARI 2021



HADIAH WANG TUNAI

BND 1000



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Januari. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan Pertandingan Mencipta Logo.

Syarat-syarat am bagi pertandingan tersebut ialah logo hendaklah mengandungi elemen-elemen wajib, iaitu tarikh sambutan '23 Februari 2021' dalam tulisan rumi; angka '37' dalam tulisan rumi dan jawi; tema 'Menjayakan Wawasan Negara' dalam tulisan rumi dan jawi (rujuk pada poster Kod QR berkenaan); tulisan jawi hendaklah berukuran dua kali lebih besar dari tulisan rumi; dan grafik atau tanda simbol.

Bagi syarat-syarat teknikal pula, logo tersebut perlu berfungsi di pelbagai media dan format, termasuk cetak dan digital, di samping itu ia juga harus dikenali dalam ukuran yang sangat kecil (misalnya ikon Instagram), tetapi juga berfungsi dengan baik pada beg tote, kemeja-T atau sepanduk luar yang besar.

Selain itu, grafik mesti dapat digunakan dengan atau tanpa unsur tipografi dan logo harus disesuaikan untuk format yang bervariasi, termasuk bulatan, persegi, segi empat tepat lanskap dan segi empat tepat potret.

Logo tersebut juga hendaklah dapat disesuaikan dengan format yang berbeza sambil menggunakan gambar grafik jelas yang boleh berfungsi di semua media.

Syarat-syarat khusus kandungan logo hendaklah menepati tema sambutan dan huriaannya; melambangkan wawasan dan hasrat negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035; menanai kedaulatan negara sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka; siap siaga mencapai hasrat Brunei Maju; dan membawa segenap lapisan masyarakat maju ke hadapan.

Semua logo penyertaan dan pemenang adalah menjadi hak milik Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan pihak pengajur berhak mengubah suai juga menambah logo danuraian yang menang atas persetujuan peserta berkenaan (jika diperlukan).

Penyertaan akan dibaca dan dinilai tanpa nama juga adalah TIDAK DIBENARKAN meletakkan nama, umur, alamat, e-mel, nombor telefon atau maklumat pengenalan diri awda di mana-mana halaman pada logo.

Sila namakan setiap fail (PDF/PNG/JPG) logo sebagai IC Peserta-LogoWarna-1; dan IC Peserta-LogoHitamPutih-1.

Seterusnya jika memuat naik logo penyertaan yang kedua dan yang ke seterusnya, IC Peserta-LogoWarna-2; dan IC Peserta-LogoHitamPutih-2. Contoh : 01012345-LogoWarna-1.png.

Ciptaan logo hendaklah dihantar tidak lewat pada 20 Januari 2020 (Rabu) dengan hanya melalui borang dan memuat naik logo dalam talian melalui <http://bit.ly/LogoHK37>.

Pemenang pertandingan akan dihubungi melalui telefon dan persuratan sebaik sahaja panel hakim selesai membuat pengakiman juga keputusan adalah muktamad.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi talian +673 2382911 atau +673 2381903 atau +673 2381905 atau +673 2380693 sambungan 1517 atau +673 8359939 (Wan) atau +673 7169440 (Ridzuan) atau melalui e-mel [hknbd37@gmail.com](mailto:hknbd37@gmail.com) dan laman sesawang [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn).

## COVID-19 : 20 masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

**Ringkasan Kes**

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	172		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	20	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (243 hari yang lalu)	31 Kes

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
545	10,548

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
145 sampel	83,920

memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 243 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 31 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, 20 kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembah setakat ini, seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 545 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 10,548 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 145 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 83,920 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

# Rondaan, operasi, pemeriksaan terus dilaksanakan



SEORANG lelaki, warganegara asing, ditahan untuk siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan aktiviti berjaya menggunakan kenderaan persendirian (kiri), sementara gambar kanan, antara warganegara asing yang dikeluarkan Pas Khas untuk mengemukakan pasport asal pada pemeriksaan yang dijalankan.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** oleh Bahagian Pengawatkuasa Undang-Undang, Jabatan Langis JIPK 02/2021 dijalankan

Kebangsaan (JIPK), Bandar Seri Begawan, di Kawasan Tapak Konkrete Kampung Lambak, Mukim Berakas 'A'.

Hasil pemeriksaan tersebut, seorang lelaki, warganegara asing, ditahan untuk siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan aktiviti berjaya

menggunakan kenderaan persendirian, di mana didapati melanggar peruntukan Peraturan 15 (3), iaitu bekerja menyala yang dibenarkan.

Lelaki tersebut ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengawatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan untuk disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Sementara itu, satu operasi yang sama juga dijalankan pada 4 Januari 2021 oleh Bahagian Pengawatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan di sebuah restoran, di Bangunan Abdul Razak Complex, Gadong, Mukim Gadong 'B'.

Hasil pemeriksaan tersebut, tiga perempuan, warganegara asing,

## 3 warga asing gagal kemukakan Pas Imigresen



SEMASA pemeriksaan ke atas sebuah projek pengubahsuaian rumah, di Jalan Singa Menteri, Daerah Belait tersebut, tiga warganegara asing ditahan dan siasatan lanjut daripada hasil operasi berkenaan.

**KUALA BELAIT,** Selasa, 5 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah projek pengubahsuaian rumah, di Jalan Singa Menteri, Daerah Belait, di sini.

Semasa pemeriksaan tersebut, tiga warganegara asing ditahan dan siasatan lanjut daripada hasil operasi berkeraan, di mana ketiga-tiga mereka gagal mengemukakan sebarang Pas Imigresen yang

sah sewaktu pemeriksaan dijalankan.

Pemangku Ketua Pegawai Imigresen, Bahagian Pengawatkuasa Undang-Undang JIPK, Kuala Belait (KB) ingin menyarankan agar terus meningkatkan aktiviti pengawatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama agensi pengawatkuasaan

yang lain.

Ke arah aktiviti pengawatkuasaan tersebut, jabatan ini menggalakkan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya. Dengan menghubungi Talian Hotline JIPK menerusi talian : +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (KB).

dikeluarkan Pas Khas untuk mengemukakan pasport asal.

JIPK mengingatkan kepada orang ramai akan sentiasa memastikan tempoh pas imigresen pekerja masih sah kerana adalah menjadi kesalahan sekiranya pekerja tersebut bekerja sedangkan pas imigresen mansuh, seterusnya menasihatkan supaya majikan sentiasa mengetahui keberadaan pekerja setiap masa.

JIPK juga memberikan amaran kepada mana-mana warganegara asing yang melakukan kesalahan dan jika sabit kesalahan mereka akan diusir dari negara ini dan nama-nama mereka akan disenaraihitamkan.

Tujuan operasi adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat juga kerjasama daripada orang ramai berpandukan pada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama Agensi Pengawatkuasa yang lain dan menguatkuaskan Akta juga Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Pasport juga memastikan ia dipatuhi dan dalam usaha mengesan pesalah imigresen.

Di samping itu, ia adalah bagi menguatkuaskan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Antipemerdagangan Orang 2019 juga apa jua kegiatan yang bertentangan dengan Undang-Undang dan Peraturan di Negara Brunei Darussalam.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888.

### GARIS PANDUAN UNTUK PENGENDALI MAKANAN YANG TIDAK SIHAT DI PREMIS MAKANAN



Apa yang perlu dibuat jika pengendali makanan mula mengalami gejala COVID-19 sewaktu berkerja

#### Kekal di dalam bilik tertentu

Ketika menunggu, asingkan pekerja di bilik yang tertutup. Jika boleh, buka tingkap untuk pengudaraan yang baik. Pekerja juga dinasihatkan untuk menggunakan bilik mandi bersaringan.



#### Bersihkan tempat tercemar

Semua permukaan yang disentuh oleh pekerja tersebut mestilah dibersihkan termasuk bilik mandi, tembol pintu dan telefon.



Pembersihan mestilah menggunakan sanitiser berdasarkan alkohol / nyah-kuman permukaan.

#### Mengikut garis pandu kebangsaan

Mana-mana kes COVID-19 yang disyaki mestilah dilaporkan. Hubungi 148 untuk nasihat yang bersetujuan.



#### Elakkan berinteraksi dengan pekerja lain

Elakkan berinteraksi dengan pekerja, permukaan & barang-barang.



#### Amalkan kebersihan

Semua pekerja mestilah mencuci tangan selama 20 saat dengan sabun dan air selepas berinteraksi dengan sesiapa yang tidak sihat atau mempunyai gejala jangkitan koronavirus.



#### Pengurus premis makanan harus tahu...

Dasar untuk kembali ke tempat kerja bagi kakitangan yang telah dijangkiti & pulih dari COVID-19 harus dilaksanakan. Pengurus premis hendaklah menyemak maklumat terkini mengenai garis panduan atau nasihat dari Kementerian Kesihatan.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Kawalan Kualiti & Keselamatan Makanan di talian 2237414 / 417 semasa waktu berkerja.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn



MD. Azharuzzakwan bin Haji Hamrin yang menetap di Kampung Putat semasa ditemu bual (atas), sementara gambar kanan, beliau juga berhasrat untuk menambah koleksi dalam mengumpul tumbuhan Caladium, iaitu Keladi yang diketahui mempunyai bermacam-macam jenisnya.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Januari. - Hobi bercucuk tanam dan berkebun kebanyakannya dianggap sebagai suatu aktiviti yang membosankan dan dikaitkan dengan golongan yang sudah berusia sahaja meminatinya.

Namun di sebalik perspektif itu, hobi berkenaan mampu mengurangkan tekanan dan

membuatkan kita lebih santai dan tenang serta dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.

Memanfaatkan waktu terutama dalam Standard Operating Procedure (SOP) kita yang banyak menghabiskan masa di rumah dalam langkah membendung pandemik COVID-19, sejak itu, pemuda yang berusia 27 tahun

## Pelbagai koleksi tanaman hasil Md. Azharuzzakwan

ini mula meminati bidang tanam-tanaman, yang sehingga kini mempunyai lebih 300 jenis tanaman dalam koleksinya setakat ini.

Md. Azharuzzakwan bin Haji Hamrin yang menetap di Kampung Putat itu sempat menceritakan mula timbul minatnya untuk mengisi masa lapang ketika itu kerana bosan disebabkan pandemik yang tidak digalakkan untuk berjalan keluar rumah, lalu mencuba untuk bertanam bunga sekadar suka-suka sahaja.

Jelas beliau, dari sekadar suka-suka kemudiannya timbul minat kerana aktiviti itu dikerjakan sehari-hari dan akhirnya apabila sudah banyak dalam koleksi, maka terfikir juga untuk diniagakan kerana permintaan pelanggan yang begitu menggalakkan.

Tanam-tanaman beliau pada awalnya diperoleh dan membelinya di tamu-tamu, kawan-kawan dan kenalan yang juga minat bertanam-tanaman.

Antara ratusan koleksi tanaman beliau, Monstera Thai Constellation merupakan antara yang termahal mengikut harga pasaran semasa serta Caladium juga tidak kurang hebatnya kerana ia semakin popular dan diminati sekarang ini.

Md. Azharuzzakwan juga menyatakan setiap jenis tanaman berbeza dari segi penjagaannya, iaitu dari tatacara penyiraman kerana ada yang disiram dua kali



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Md. Azharuzzakwan Haji Hamrin

sehari dan juga sekali dalam seminggu, sebahagian juga memerlukan sinaran Cahaya matahari dan juga sebaliknya, dan tidak lupa untuk memberikan bahan kepada tanaman.

Beliau juga berhasrat untuk menambah koleksi dalam mengumpul tumbuhan Caladium, iaitu Keladi yang diketahui mempunyai bermacam-macam jenisnya.

Bagi orang ramai yang ingin melihat secara lebih dekat, bolehlah datang ke rumah beliau beralamat No.5, Simpang 467, Kampung Putat, Mukim Lumapas, di mana pelbagai jenis tanaman dan bunga-bunga untuk dijual.

### Tip KESIHATAN

## CARA BERKESAN ELAKKAN SAKIT BELAKANG

SAKIT belakang adalah salah satu masalah yang boleh dikatakan hampir semua orang akan hadapi. Tidak kira warga emas atau belia muda, (semua peringkat umur) ada mempunyai risiko untuk menghadapi masalah sakit belakang. Ini mungkin dialami secara tidak langsung melalui aktiviti harian awda yang mungkin menyebabkan sakit belakang tanpa awda sedari. Jika dibiarkan mungkin awda akan mengalami masalah sakit lebih kritikal seperti 'Slip Disc', masalah tulang dan sebagainya.

Tip Kesihatan kali ini ingin mengongsikan kepada awda cara-cara untuk mengelakkan sakit belakang.

### 1. BUAT REGANGAN BADAN

- MEMBUAT regangan atau 'Stretching' secara berterusan membantu menjaga otot untuk fleksibel tambahan lagi di bahagian tulang belakang.
- IA juga boleh mengurangkan tekanan pada sendi dan memperbaiki aliran darah dan nutrien di seluruh badan.
- 'STRETCHING' juga merupakan cara penting untuk mengaktifkan otot-otot untuk aktiviti yang sihat seperti bermain sukan atau aerobik.
- INGAT, buat regangan badan tidak perlu nak pergi gim atau ke taman (jika boleh lagi bagus), jika tiada masa, boleh sahaja buat regangan badan atau 'Stretching' di pejabat atau di rumah.

### 2. KUATKAN OTOT PADA BAHAGIAN PERUT DAN PINGGANG

- PASTIKAN otot awda sihat dan kuat untuk mengelakkan ketegangan pada tulang belakang.
- SEPERTI contoh, otot yang perlu kita ambil berat untuk menguatkan tulang belakang kita ialah otot di bahagian perut, otot di bahagian punggung dan otot di bahagian tulang belakang.

### 3. MELAKUKAN SENAMAN


- SENAMAN yang kerap akan meningkatkan kekuatan dan ketahanan tulang belakang.
- AKTIVITI senaman adalah bagus untuk meningkatkan peredaran dalam saluran badan kita dan membantu untuk mengurangkan berat badan yang berlebihan.
- CONTOH senaman yang mudah dilakukan ialah berjoging, berbasikal, berjalan dan berenang.

### 4. BETULKAN POSTUR BADAN

- MENGGUNAKAN postur dengan baik, terutamanya Ketika duduk atau berdiri dalam tempoh masa yang lama.
- POSTUR yang baik ialah yang melibatkan berdiri dan duduk dalam posisi yang seimbang dan neutral.
- IA merupakan cara terbaik bagi mengelakkan tekanan di tulang belakang.
- CONTOHNYA ialah gunakan kerusi yang betul dan mempunyai sokongan untuk tulang lumbar dan dapatkan penilaian ergonomik badan untuk mengelakkan lenturan badan yang ketara.
- APABILA seseorang itu berada dalam keadaan posisi yang salah dalam tempoh masa yang lama, ia akan menyebabkan sakit di bahagian belakang.

### 5. MENGANGKAT BARANG DENGAN TEKNIK YANG BETUL

- MENGANGKAT objek atau barang dengan postur atau teknik yang tidak betul boleh menyebabkan tekanan yang signifikan di belakang awda yang akan mengakibatkan kesakitan di bahagian belakang.
- SENTIASA meminta bantuan apabila hendak mengangkat barang atau objek yang berat bagi mengelakkan sakit belakang terjadi.



# Minggu Pelajar Baharu UBD, 4 hingga 7 Januari

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan mengalukan seramai 457 mahasiswa bagi pengambilan

Sesi Januari 2020 / 2021, iaitu 43 mahasiswa Ph.D; 157 mahasiswa Sarjana; 277 Sarjana Muda; 19 mahasiswa UniBridge; dan 11 mahasiswa Diploma.



PENGAMBILAN bulan Sesi Januari 2020 / 2021 ini, Minggu Pelajar Baharu akan diadakan secara maya dan fizikal, selama empat hari, bermula dari 4 hingga 7 Januari 2021.

Minggu pengambilan mahasiswa baharu (Orientasi) UBD dianjurkan oleh Seksyen Hal Ehwal Pelajar dengan sokongan daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan sukarelawan sebelum bermulanya semester baharu. Ia dilaksanakan untuk mengalukan semua mahasiswa

tahun satu dan siswazah ke komuniti UBD.

Melalui aktiviti interaktif dan bermaklumat yang dijalankan selama seminggu bagi mahasiswa baharu UBD bertujuan untuk mewujudkan suasana yang selesa, di mana mahasiswa dapat meneroka pelbagai peluang yang ditawarkan oleh UBD ketika bertemu rakan baharu, kaitangan pengajar juga memilih modul yang tepat untuk menyelesaikan program mereka.

Bagi pengambilan bulan Sesi Januari 2020 / 2021 ini, Minggu Pelajar Baharu akan diadakan secara maya dan fizikal, selama empat hari, bermula dari 4 hingga 7 Januari 2021.

Acara akan dimulakan dengan Majlis Perasmian Minggu Pelajar Baharu Dalam Talian dan Ucapan Khas, disampaikan oleh Naib Canselor UBD, Datuk Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Pada 5 Januari 2021, setiap fakulti akan mengatur orientasinya, yang membolehkan



UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) akan mengalukan seramai 457 mahasiswa bagi pengambilan Sesi Januari 2020 / 2021.

pelajar diperkenalkan kepada pemimpin program fakulti masing-masing juga ahli fakulti mereka dan diberikan penerangan mengenai modul yang diperlukan.

Minggu Pelajar Baharu akan diakhiri dengan Bicara Ulum, Doa Selamat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di Masjid UBD.

## Penggunaan skema warna psikologi bawa tuah



PENGARAH Urusan Dream Foods Pte. Ltd., Muhammad Yamin bin Abdul Hamid semasa ditemu bual.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan sokongan daripada Darussalam Enterprise (DARE)," tambahnya.

Syarikat ini juga, menurutnya, memfokuskan kepada mempertahankan keaslian makanan dan masakan NBD, dengan rancangan untuk memodenkan dan mempercepatkan cara, namun mengekalkan faktor tradisi dalam penyediaan makanan tersebut bagi tujuan eksport.


"Kita ketahui penyediaan masakan tempatan mengambil masa yang lama tetapi inilah yang kami ingin mempertingkatkan dan mencari cara untuk mengurangkan masa penyediaan tanpa mengabaikan rasa tradisional masakan tersebut," katanya yang juga selaku Pengurus Persatuan Warisan Kedayan Jerudong (WARISAN) dan Presiden Persatuan Pencipta Pemuda.

Dalam hal ini, sos Rojak BAR ialah salah satu cara untuk memperkenalkan masakan NBD ke pasaran antarabangsa dalam bungkus yang tersedia dan boleh dinikmati bila-bila masa dengan pelbagai jenis makanan, seperti nasi, keropok, kentang goreng, mahupun buah-buahan.

Resipi Rojak BAR merupakan resipi turun menurun yang dihasilkan oleh ibunya, Mauludiah binti Haji Md. Yusof, juga selaku Pengarah Syarikat Dream Foods Pte. Ltd. dan ketua cef dalam menghasilkan sos berkenaan.

Sebagai sebuah syarikat pembuat makanan, Dream Foods Pte. Ltd. juga akan membuka kilang pada Januari 2021 tidak lama lagi untuk menangani permintaan pasaran yang semakin meningkat.

Sehubungan itu, Dream Foods Pte. Ltd.; juga merancang untuk menjalin kerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakan bagi mendapatkan khidmat kepakaran dan nasihat untuk jangka hayat (*shelf life*) dan juga bantuan dari



INSTAGRAM @drm\_foods.

menggunakan rangkaian yang tersedia di syarikat tersebut untuk tujuan pemasaran dan sebagainya.

Selain itu, outlet Dream Foods Pte. Ltd. juga akan memulakan operasi pada Januari 2021 di Kontena Park, Taman Teknologi Anggerek Desa. Rojak BAR dan beberapa masakan NBD yang lain akan boleh didapati di outlet berkenaan.

Menyentuh mengenai syarikatnya, Dream Foods Pte. Ltd. merupakan salah satu daripada empat syarikat di bawah Dream Group of Companies yang khusus untuk industri pembuat makanan. Ditubuhkan sebelumnya pada 2013 sebagai Dream Makers, syarikat baru ini ditubuhkan pada November 2019.

Sebagai seorang belia berusia 33 tahun dan sedang belajar untuk ijazah keduanya dalam Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan di Universiti Teknologi Brunei (UTB), Muhammad Yamin

berharap generasi muda akan dapat menyambung dan mempertahankan budaya masyarakat *kitani*, memartabatkan masakan tempatan hingga ke peringkat lebih tinggi, orang lain tidak akan kagum dan terpengaruh dengan budaya kita jika kita tidak berbangga dengan budaya sendiri.

"Kalau boleh, sokonglah masakan Brunei, jangan *kitani* tenggelamkan terutama golongan muda. Selain itu, jangan takut menyahut cabaran dan berharap kami dapat memberikan inspirasi kepada belia-belia masa hadapan untuk memupuk budaya Brunei dalam semua aspek terutamanya masakan dan makanan Brunei," ujarnya mengakhiri temu bual.

Rojak BAR boleh didapati pada sembilan buah pasar raya terpilih dan boleh dibeli secara dalam talian melalui laman sesawang [www.dreamers.com.bn](http://www.dreamers.com.bn) dan [@drm\\_foods](https://www.instagram.com/@drm_foods) di Instagram.

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Instagram @drm\_foods

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Dengan saingan daripada lebih 50 buah syarikat reka bentuk kreatif dari seluruh ASEAN, Dream Foods Pte. Ltd. dari Negara Brunei Darussalam (NBD) meraih kemenangan dalam 1st ASEAN - Korea Excellent Design Exhibition Award melalui reka bentuk yang menggunakan skema warna psikologi untuk pembungkusan produk keluaran syarikatnya, iaitu Rojak BAR (Brunei Authentic Recipe).

Penggunaan kombinasi warna yang mengingatkan kita kepada lampu isyarat, di samping mempertingkatkan konsep reka bentuk dan botol berwarna yang diperbaharui, daripada pembungkusan plastik beralih ke kaca dalam usaha untuk mempromosikan penggunaan semula dan kelestariannya adalah antara faktor yang membawa

kemenangan kepada syarikat tersebut.

Demikian yang dikongsikan oleh Pengarah Urusan Dream Foods Pte. Ltd., Muhammad Yamin bin Abdul Hamid semasa ditemui oleh Pelita Brunei berikutnya kejayaan beliau dalam anugerah tersebut baru-baru ini.

Sos pelbagai guna berdasarkan kacang, Rojak BAR dengan tiga rasa yang menepati cita rasa semua lapisan masyarakat, merupakan produk pertama Dream Foods Pte. Ltd. yang difokuskan untuk eksport ke negara luar seperti China, Malaysia dan Singapura, di mana produk kedua mereka ialah kerisik.

"Untuk tujuan eksport, syarikat kami bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakan bagi mendapatkan khidmat kepakaran dan nasihat untuk jangka hayat (*shelf life*) dan juga bantuan dari

# Keluarga menjadi pembakar semangat



**DAYANG** Putri Norizah binti Ibni Riza atau lebih dikenali dengan Putri Norizah semasa ditemu bual.



**YANG** Dipertua Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA), Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad ketika ditemu bual.



**PEMILIK** butik fesyen, 'Shop in Trend', Awang Ali Fadlyzul bin Rosli semasa ditemu bual.



**JURULATIH** Kecergasan dan pemilik The Locked Down Gym, iaitu Awang Aslan bin Bujang ketika ditemu bual.

Berita dan Foto :  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Setiap pencapaian yang berjaya digapai oleh seseorang pastinya akan membuat individu tersebut berasa bangga apatah lagi jika pencapaian tersebut berkaitan dalam membangunkan masyarakat sejagat dan negara.

Setiap orang memang mempunyai keinginan atau cita-cita bagi meraih sesuatu yang diidamkan dengan merealisasikan impian tersebut.

Pelita Brunei berpeluang menemu bual beberapa *public figure* yang boleh dikatakan berpengaruh dan dikenali ramai.

Dayang Putri Norizah binti Ibni Riza atau lebih dikenali dengan Putri Norizah memang satu nama yang tidak asing lagi di persada seni.

Ketika ditemui, beliau menyatakan beberapa pencapaian yang dicapai sepanjang tahun lalu,

ialah tersenarai bagi Kategori Vokal Wanita Pilihan, di Anugerah Pelangi Ke-7 dan membuat persembahan pada malam yang sama di atas pentas anugerah bersama seorang lagi penyanyi tempatan, iaitu Fakhru Razi.

"Selain itu, saya telah melakukan kolaborasi bersama Al-Hayaah, iaitu jenama pengeluar tudung tempatan, di mana mereka telah mengeluarkan koleksi tudung eksklusif yang dinamakan 'Putri Lace Collection'.

"Saya juga sempat menjayakan beberapa program TV, seperti Future Wave, Fusion Chat, Inspirasi Akustik dan Semarak Keputeraan. Tetapi yang paling seronok apabila saya telah diberikan rezeki bersama suami di tahun 2020 mengandung anak ketiga," ujarnya.

Bagi Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad selaku Yang Dipertua Persatuan Motosikal

Darussalam (PEMODA), pencapaian ketara yang diraih olehnya apabila dilantik selaku Yang Dipertua PEMODA bagi Sesi 2020 - 2022, iaitu untuk kali keenam sejak tahun 2010.

"Ia adalah satu penghargaan buat diri saya kerana terus diberikan kepercayaan untuk menerajui persatuan motosikal terbesar di Kepulauan Borneo ini," katanya.

Selain itu, Pengiran Haji Redzuan juga mengetui PEMODA untuk terlibat bersama Sukarelawan Belia bagi COVID-19 di bawah Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan dan turut mengetui persatuan berkenaan tahun lalu bagi menyampaikan Projek Asas Pemanduan Berhemah 3K, di kampus-kampus IBTE, seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sementara itu, salah seorang usahawan muda yang berjaya, iaitu pemilik butik fesyen, 'Shop in Trend', yang terletak di Jalan Batu Satu, Awang Ali Fadlyzul bin Rosli, melahirkan rasa syukur kerana tahun 2020, ia

meninggalkan satu kenangan yang indah dengan pencapaian terbesar.

"Alhamdulillah, pencapaian terbesar saya ialah apabila saya sebagai ahli usahawan kecil berjaya membuka satu unit kedai milik saya sendiri, di mana sebelum ini hanya mampu membuka kedai kecil *tenant* dan berkongsi bersama orang lain," jelasnya.

Menurutnya, beliau bukan lahir daripada keluarga yang senang dan itu menjadi pembakar semangat untuk bekerja keras.

Dalam dunia perniagaan, jelasnya, selain mempunyai sebuah kedai yang indah, sosial media juga memainkan peranan yang penting dan pada tahun 2020, jumlah pengikut-pengikut di Instagram melonjak naik menjadi lebih 30 ribu orang dan ini lebih memudahkan untuk berinteraksi bersama para pelanggan, tambahan lagi, sekarang kita diuji dengan suasana norma baharu.

Ujarnya, dengan adanya sosial media, ia membantu dirinya mengembangkan lagi

perniagaannya untuk terbang tinggi dan lebih jauh lagi.

"Di mana ada kemauan, di situ ada jalan kerana rezeki tidak akan pernah salah alamat. Kita mesti terus berusaha dan jangan sesekali menyerah sebab ada pepatah mengatakan, bukan semua orang ada gaji tapi semua orang ada rezeki dan rezeki saya menjadi usahawan kecil, meskipun mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda, saya memilih berniaga untuk hidup bersama keluarga tercinta," ujarnya lagi.

Bagi Jurulatih Kecergasan dan pemilik The Locked Down Gym, iaitu Awang Aslan bin Bujang pula, beliau berasa bersyukur kerana walaupun tahun 2020 adalah tahun yang sukar baginya, tetapi dengan nikmat Allah, beliau berjaya membuka pusat kecergasannya sendiri, yang terletak di Batu Bersurat.

The Locked Down Gym sudah beroperasi lebih kurang tiga bulan, di mana sebelum ini, Awang Aslan menjalankan latihan be yang memang sedia ada, di negara ini.

"Tetapi saya hilang mata pencarian apabila pandemik melanda negara, di mana ketika itu, semua pusat kecergasan dan gim-gim telah diarahkan untuk ditutup buat sementara waktu. Ketika itu, saya terus menjalani latihan secara *virtual* dan pada masa itulah, semangat untuk mempunyai gim sendiri berkobar-kobar.

"Dengan berbekalkan modal yang mencukupi, saya akhirnya membuka gim sendiri dan alhamdulillah ketika itu semua pusat-pusat kecergasan dan gim-gim di negara ini pula telah pun dibuka untuk kunjungan orang ramai semula," terangnya.

Itulah antara pencapaian terbesar yang berjaya dicapai oleh Awang Aslan pada tahun lalu, walaupun banyak cabaran yang dilalui, tetapi ada hikmah di sebalik yang berlaku.



## Didenda BND3,800 atas 4 pertuduhan

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Januari. - Seorang wanita tempatan dikenakan denda BND3,800 atas empat pertuduhan, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27.

Pemangku Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Mohd. Yusof mengenakan denda tersebut, di Mahkamah Majistret,

hari ini.

Arni Ratna Masreena binti Mohammad (defendant), berumur 25 tahun, didakwa melakukan kesalahan-kesalahan berkaitan dadah, pada tahun 2014 dan 2016.

Pada Oktober 2014, defendant ditangkap dalam satu serbuan daripada pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik di sebuah

rumah di Kampung Maraburong, Tutong, di mana ketika itu beliau bersama dua lelaki dan dua wanita dipercayai terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

Arni Ratna Masreena melakukan kesalahan, iaitu memiliki dadah terkawal, di bawah Seksyen 3A APD, Penggal 27; memakan dadah terkawal, di bawah Seksyen 6(b) APD, Penggal 27; juga memiliki alat-alat untuk menghisap dadah, di bawah Seksyen 7 APD,

Penggal 27.

Pertuduhan pertama, defendant didakwa memiliki pecahan hablur, iaitu syabu seberat 1.4503 gram, manakala pertuduhan kedua, defendant memakan dadah terkawal Kelas 'A' Methylamphetamine dan ketiga, defendant memiliki peralatan bagi tujuan menghisap dadah. Ketiga-tiga pertuduhan dilakukan pada tahun 2014.

Pada September 2016, defendant sekali lagi melakukan kesalahan memakan dadah

Azrimah binti Haji Abdul Rahman mengeluarkan perintah itu selepas mendengar permohonan pihak Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi di Mahkamah Majistret.

Sebelum ini dilaporkan, dua suspek Hassan bin Yussof berusia 65 dan Rosnani binti Tanga berusia 51 tahun ditangkap pada 10 Oktober lalu bagi membantu siasatan. Suspek diwakili Peguambela DC Roy Prabhakaran.

terkawal Kelas 'A' Methylamphetamine bagi pertuduhan keempat.

Semasa kejadian, defendant ditangkap di sebuah rumah di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tanah Jambu bersama dua wanita yang terlibat dalam aktiviti dadah tersebut.

Pendakwaan dijalankan oleh Sofimah binti Ramlee menyatakan defendant sebelum ini tidak mempunyai rekod kesalahan, di bawah APD, Penggal 27.

# Hukum membaca terjemahan ayat, zikir dan doa dalam sembahyang

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**B**ACAAN-bacaan dalam sembahyang menurut hukum asal, hendaklah dibaca dalam bahasa Arab tidak kira dalam bacaan-bacaan yang wajib atau sunat. Atas sebab itulah orang Islam yang *mukallaf* wajib mempelajari bacaan-bacaan wajib seperti *takbiratulihram*, surah al-Fatiyah dan sebagainya dalam bahasa Arab kerana bacaan-bacaan tersebut merupakan salah satu rukun daripada rukun-rukun dalam sembahyang. Tanpa bacaan-bacaan wajib tersebut, sembahyang yang dikerjakan adalah tidak sah.

Walau bagaimanapun, timbul persoalan bagi mereka yang belum mampu berbuat demikian atas suatu sebab, seperti kerana baru masuk Islam, atau kerana lemah hafalan atau atas sebab lainnya. Persoalan tersebut ialah bolehkah mereka ini membaca terjemahannya sahaja?

Irsyad Hukum kali ini akan menguraikan mengenai kedudukan hukum membaca terjemahan bacaan-bacaan ketika sembahyang.

## Hukum Membaca Terjemahan Bacaan-Bacaan Dalam Sembahyang

Perbincangan mengenai bacaan-bacaan sembahyang yang boleh dan tidak boleh dibaca dalam bentuk terjemahan ada disebutkan oleh para ulama. Untuk lebih jelas lagi, perbincangan hukum mengenainya terbahagi kepada empat bahagian, iaitu;

1. Hukum Membaca Terjemahan Surah Al-Fatiyah Dan Ayat-Ayat Al-Qur'an Dalam Sembahyang.

Membaca surah al-Fatiyah dalam sembahyang merupakan salah satu daripada rukun sembahyang. Oleh kerana itu, membaca surah al-Fatiyah dalam semua sembahyang adalah wajib, sama ada sembahyang fardhu ataupun sembahyang sunat dan ia boleh dibaca secara hafalan, dengan melihat mushaf atau dengan mengikuti bacaan imam ketika sembahyang.

Orang yang melakukan sembahyang hendaklah membaca surah al-Fatiyah dengan bahasa Arab. Maka adalah tidak harus malah batal sembahyang bagi orang yang pandai membaca surah al-Fatiyah dan dia membacanya dalam bentuk terjemahan. Begitulah juga bagi orang yang tidak pandai membacanya tidak harus membacanya dalam bentuk terjemahan. Ini kerana surah al-Fatiyah merupakan ayat-ayat daripada al-Qur'an dan membaca al-Qur'an dalam bentuk terjemahan akan menghilangkan mukjizat al-Qur'an tersebut.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah Yusuf:

**Tafsirnya:** "Sesungguhnya Kami menurunkannya (al-Quran) sebagai kitab bacaan dalam bahasa Arab."

(Surah Yusuf : 2)

Larangan membaca surah al-Fatiyah dalam bentuk terjemahan walaupun bagi orang yang tidak pandai membacanya dalam bahasa Arab telahpun disepakati oleh para ulama tanpa ada sebarang percanggahan di antara mereka.

Oleh itu, seseorang yang tidak pandai membaca surah al-Fatiyah, wajib ke atasnya mempelajarinya. Jika waktu sembahyang telah sempit dan dia belum pandai membaca keseluruhan surah al-Fatiyah maka dia wajib membaca tujuh ayat al-Qur'an yang lain sebagai ganti tujuh ayat surah al-Fatiyah dan *basmalah*.

Sementara itu, jika seseorang itu langsung tidak pandai membaca mana-mana ayat dari al-Qur'an, maka dia wajib membaca terjemahan zikir dan doa maka wajib baginya berdiri dan berhenti dalam bacaan surah al-Fatiyah.

tujuh jenis zikir dan doa. Ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam Ahmad:

**Maksudnya:** *Telah datang seseorang kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, lalu beliau berkata kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: Sesungguhnya aku tidak mampu mempelajari sesuatu pun daripada al-Qur'an, maka ajarkanlah aku (bacaan) apa yang memadai bagiku (selain) daripadanya (al-Qur'an).*

Lalu Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam pun menjawab: *Bacalah:*

(سُبْحَانَ اللَّهِ وَلَا يَحْمِدُ لَيْلَةً وَاللَّهُ أَكْبَرُ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ)

*(Maha suci Allah, dan segala puji hanya bagi Allah, dan tiada tuhan selain Allah, dan Allah Maha Besar, dan tiada daya serta tiada kekuatan kecuali dengan (keupayaan dan kekuatan) Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar).*

(Hadits riwayat Imam Abu Daud dan Ahmad)

Dalam hadits di atas, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah mengajarkan kepada orang tersebut lima jenis zikir, dan ditambah lagi oleh ulama sebagai mencukupi syarat tujuh jenis zikir itu dengan dua jenis zikir yang lain, seperti:

(ما شاء الله كان)

**Ertinya:** Segala apa yang dikehendaki Allah pasti berlaku.

(وَمَا لَمْ يَشَاءْ لَمْ يَكُنْ)

**Ertinya:** Dan segala apa yang tidak dikehendakiNya, tidak akan berlaku.

Walau bagaimanapun, menurut pendapat yang *ashah* (paling *shahih*), tidaklah ditentukan mana-mana zikir untuk dibaca sebagai *badal* (ganti) surah al-Fatiyah itu. Ia memadai diganti dengan memilih mana-mana tujuh macam zikir. Huruf-huruf ayat al-Qur'an, zikir atau doa gantian surah al-Fatiyah itu hendaklah tidak kurang daripada huruf-huruf surah al-Fatiyah dan *basmalah* iaitu sebanyak 156 huruf. Sebagaimana juga tidak boleh kurang dari bilangan ayatnya.

Sementara itu, jika seseorang itu langsung tidak pandai membaca mana-mana jenis zikir dan doa dengan menggunakan bahasa Arab maka dia harus membaca zikir dan doa itu dalam bentuk terjemahan.

Jika sekiranya langsung tidak pandai membaca surah al-Fatiyah, dan tidak tahu pula membaca mana-mana ayat gantian dari al-Qur'an, zikir mahupun doa, dan tidak juga pandai membaca terjemahan zikir dan doa maka wajib atasnya *qiyam* (berdiri) sahaja dalam kadar bacaan surah al-Fatiyah, iaitu kira-kira kadar bacaan yang sederhana. Perkara ini disebutkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'alā*:

**Ertinya:** "Jika tidak pandai sesuatu (daripada surah al-Fatiyah, ayat-ayat gantian dari al-Quran, ayat gantian dari zikir atau doa, dan tidak juga pandai membaca terjemahan zikir dan doa maka wajib baginya berdiri) dan berhenti dalam kadar bacaan surah al-Fatiyah."

Begini juga ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca selepas surah al-Fatiyah, tidak harus dibaca dalam bentuk terjemahan ketika sembahyang.

2. Hukum Membaca Terjemahan Bacaan-Bacaan Wajib (Rukun Qauli) Dalam Sembahyang Selain Surah Al-Fatiyah.

Rukun qauli wajib dibaca dalam sembahyang malah sembahyang seseorang tanpa membaca salah satu dari rukun qauli adalah tidak sah. Bagi orang *mukallaf* wajib mempelajari kesemua bacaan rukun qauli dengan menggunakan bahasa Arab. Rukun qauli itu ialah *takbiratulihram*, surah al-Fatiyah, *tasyahhud akhir*, selawat ke atas

Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada tasyahhud akhir dan salam yang pertama. Hukum membaca terjemahan bacaan surah al-Fatiyah dan ayat-ayat al-Qur'an yang lain dalam sembahyang telahpun dihuraikan sebelum ini.

Adapun bacaan-bacaan rukun qauli selain surah al-Fatiyah itu juga tidak harus malah batal sembahyang jika orang yang pandai membaca (rukun qauli) itu, membacanya dalam bentuk terjemahan. Berlainan halnya, jika orang itu tidak pandai membacanya dengan bahasa Arab dan tidak sempat belajar kerana sudah sempit waktu sembahyang maka wajib baginya membaca dalam bentuk terjemahan.

3. Hukum Membaca Terjemahan Bacaan-Bacaan Sunat Dan Yang Mat'sur Dalam Sembahyang.

Bacaan-bacaan sunat dan yang mat'sur dalam sembahyang itu adalah seperti *tasyahhud* awal dan selawat dalam *tasyahhud* awal, doa qunut, takbir *intiqalat*, tasbih rukuk, tasbih sujud, doa selepas bacaan *tasyahhud akhir* dan selainnya.

Jika seseorang itu pandai membaca bacaan-bacaan tersebut dengan bahasa Arab maka dia tidak harus membacanya dalam bentuk terjemahan. Malah batal sembahyangnya jika dibacanya dalam bentuk terjemahan tetapi hendaklah zikir dan doa yang bukan mat'sur itu dibaca dengan bahasa Arab dan haram membacanya dalam bentuk terjemahan walaupun orang tersebut tidak pandai membacanya dengan bahasa Arab.

Namun jika seseorang itu tidak pandai membaca bacaan-bacaan tersebut dalam sembahyang dengan bahasa Arab, maka sunat baginya membaca dalam bentuk terjemahan.


4. Hukum Membaca Terjemahan Zikir Dan Doa Yang Bukan Mat'sur Dalam Sembahyang.

Membaca zikir dan doa dalam sembahyang adalah diharuskan walaupun zikir dan doa itu mat'sur. Zikir dan doa yang bukan mat'sur adalah yang bukan berasal daripada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam seperti zikir dan doa yang dikarang atau dicipta sendiri atau orang lain. Zikir dan doa yang bukan mat'sur ini boleh sahaja didapat dalam bahasa Arab atau selainnya. Namun perlu diambil perhatian bahawa zikir dan doa yang bukan mat'sur ini hanya boleh dibaca dengan bahasa Arab sahaja ketika sembahyang.

Dalam perkara membaca terjemahan zikir dan doa yang bukan mat'sur ketika sembahyang, walaupun seseorang itu tidak pandai membaca zikir dan doa tersebut dengan bahasa Arab, namun dia tetap tidak harus membacanya dalam bentuk terjemahan. Jika dibacanya juga dalam bentuk terjemahan maka hukumnya adalah haram dan membatalkan sembahyangnya. Perkara ini disebutkan oleh Imam ar-Ramli

**LARANGAN membaca surah al-Fatiyah dalam bentuk terjemahan walaupun bagi orang yang tidak pandai membacanya dalam bahasa Arab telahpun disepakati oleh para ulama tanpa ada sebarang percanggahan di antara mereka.**

**Oleh itu, seseorang yang tidak pandai membaca surah al-Fatiyah, wajib ke atasnya mempelajarinya. Jika waktu sembahyang telah sempit dan dia belum pandai membaca keseluruhan surah al-Fatiyah maka dia wajib membaca tujuh ayat al-Qur'an yang lain sebagai ganti tujuh ayat surah al-Fatiyah dan 'basmalah'.**



Website : www.mufti.gov.bn  
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Rahimahullahu Ta'alā dalam kitab Nihayah al-Muhtaj:

**Ertinya:** "Adapun (doa atau zikir) yang tidak mat'sur, iaitu seseorang mengarang suatu doa atau zikir kemudian diterjemah keduanya dengan bahasa 'Ajamiyyah (bahasa asing bukan arab) ketika sembahyang, maka sesungguhnya (perbuatan tersebut) adalah haram dan batal sembahyangnya."

Maka perlu diambil perhatian, zikir-zikir dan doa-doa yang bukan mat'sur iaitu zikir-zikir dan doa-doa yang dikarang atau dicipta sendiri atau orang lain adalah harus dibaca ketika melakukan sembahyang tetapi hendaklah zikir dan doa yang bukan mat'sur itu dibaca dengan bahasa Arab dan haram membacanya dalam bentuk terjemahan walaupun orang tersebut tidak pandai membacanya dengan bahasa Arab.

Begitulah huraian mengenai hukum membaca terjemahan bacaan-bacaan ketika sembahyang. Orang yang pandai membaca bacaan-bacaan sembahyang, wajib dia membacanya dengan bahasa Arab dan tidak sah apabila ia dibaca dengan bahasa lain. Adapun jika orang yang tidak pandai membacanya dengan bahasa Arab disebabkan seperti kesuntukan waktu sembahyang, kedungan, tidak ada guru yang mengajar, tidak terdapat mushaf atau sebagainya, maka keharusan dia membacanya dengan bahasa lain itu tertakluk kepada jenis-jenis bacaan sembahyang yang dibacanya sebagaimana dihuraikan sebelum ini.

Oleh itu, perlulah kita mencari ikhtiar dan usaha untuk mempelajari bacaan-bacaan sembahyang terutama sekali bacaan-bacaan wajib. Ini kerana, jika seseorang itu sengaja tidak berusaha dalam mempelajari bacaan-bacaan tersebut sedangkan waktu sembahyang masih luas lalu dia mengerjakan sembahyang dengan membaca bacaan-bacaan tersebut dalam bentuk terjemahan, maka batal sembahyangnya dan wajib ke atasnya mengulang sembahyang tersebut kerana dia telah meninggalkan bacaan-bacaan wajib sembahyang sedangkan dia mampu untuk mempelajarinya.

## منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولان فوسة دعوه اسلاميه

**A**Llah Subhanahu Wata'ala dalam firman-Nya ada menyebutkan kalimah *qalbun salim* iaitu dalam Surah asy-Syu'ara ayat 88-89 yang mahfumnya: (*Iaitu*) hari yang harta dan anak-anak tidak bermanfaat lagi. Melainkan sesiapa yang datang menghadap Allah dengan hati yang bersih.

Maksud perkataan *qalbun salim* pada ayat di atas adalah hati yang sihat, selamat dan suci daripada segala bentuk nafsu syahwat yang boleh mendorong hati untuk melanggar apa-apa jua perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada berbagai kemungkaran sama ada perkara-perkara yang menjurus kepada syubhah, syirik dan bidaah.

Di samping itu, hati yang sihat adalah hati yang sentiasa berada dalam kecintaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sentiasa berasa takut kepada-Nya, mengharap rahmat dan bertawakal serta mengembalikan semua perkara kepada qadha dan qadar-Nya. Sekali gus hati yang bersih itu setentunya bebas daripada menjadi hamba kepada syaitan lakinullah dan mereka tidak akan sekali-kali menjadi pengikut atau hamba kepada yang lain selain Allah Subhanahu Wata'ala.

Memiliki *qalbun salim* iaitu hati yang selamat dan sihat merupakan dambaan setiap umat Islam. Untuk memiliki *qalbun*

salim kita hendaklah menjaga dua perkara iaitu hubungan antara manusia dengan Pencipta iaitu Allah Subhanahu Wata'ala dan juga menjaga hubungan sesama manusia.

Pertama, menjaga hubungan antara manusia dengan Allah bermaksud kita hendaklah mengikuti segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan semua larangan-Nya serta sentiasa mendekatkan diri kepada-Nya supaya kita tergolong dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat petunjuk dan rahmat daripada-Nya. Antara langkah atau ciri-ciri untuk menjaga hubungan kita dengan Allah ialah melalui keimanan dan iktikad (kepercayaan) yang betul, bersih daripada penyakit kekufturan, syirik, bidaah dan nifaq (pura-pura beriman).

Kedua, selain menjaga hubungan dengan Allah, menjaga hubungan sesama manusia juga merupakan salah satu jalan untuk kita menggapai syurga Allah. Apalah guna memperbanyak ibadat semata-mata demi mengejar akhirat sahaja akan tetapi melupakan urusan dunia yang sama dituntut dalam Islam iaitu menjaga hubungan baik sesama manusia. Antara langkah atau ciri-ciri untuk menjaga hubungan sesama manusia itu adalah seperti menjaga silaturahim, saling tolong menolong, bersifat mahmudah sesama keluarga, kaum kerabat, rakan dan jiran tertangga.

Kesimpulanya, baik buruknya seseorang sangat tergantung pada hatinya. Jika

hatinya lurus, maka perlakunya juga baik, begitu juga sebaliknya. Oleh itu, penting atas setiap individu memiliki hati yang baik, bersih dan suci. Dengan itu, seseorang yang beriman yang memiliki *qalbun salim* akan sentiasa melakukan kebaikan yang mendatangkan pahala dan meninggalkan kejahanan yang mendatangkan dosa.

Orang-orang yang memiliki *qalbun salim*

dijanji selamat di akhirat kelak. Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Fajr ayat 27-30 yang mahfumnya: "(Dikatakan kepada orang-orang yang beriman): Wahai jiwa yang tenang! Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha lagi direháiNya. Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaku (yang soleh). Dan masuklah di dalam syurga-Ku."

**MAKSUD perkataan 'qalbun salim' pada ayat di atas adalah hati yang sihat, selamat dan suci daripada segala bentuk nafsu syahwat yang boleh mendorong hati untuk melanggar apa-apa jua perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada berbagai kemungkaran sama ada perkara-perkara yang menjurus kepada syubhah, syirik dan bidaah.**

**Di samping itu, hati yang sihat adalah hati yang sentiasa berada dalam kecintaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sentiasa berasa takut kepadaNya, mengharap rahmat dan bertawakal serta mengembalikan semua perkara kepada qadha dan qadar-Nya.**



# MINDA PEMBACA

## Tingkatkan kesedaran kesihatan mental masyarakat

**T**ANGGAL 10 Oktober setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Hari Kesihatan Mental Sedunia bagi mempromosikan kesihatan mental dalam meningkatkan kesedaran dan sensitiviti masyarakat. Tema pada tahun ini ialah 'Kesihatan Mental Untuk Semua. Tingkatkan Pelaburan, Tingkatkan Akses'.

Dengan adanya pandemik COVID-19 yang tersebar ke seluruh dunia pada masa ini telah memberikan impak besar terhadap kesihatan mental, iaitu adanya peningkatan pada tahap kebimbangan, kegelisahan, kemurungan dan pengasingan sosial. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah membuat pelaburan atau usaha bagi menyediakan liputan kesihatan sejagat dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi rakyat dan penduduk di negara ini untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental di seluruh negara, termasuk melalui Talian Harapan 145, klinik psikologi secara walk-in di pusat-pusat kesihatan yang terdapat di seluruh negara.

Selain itu, Kementerian Kesihatan telah meningkatkan kesedaran bagi menangani penghalang utama untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental dengan mengadakan kempen, ceramah,

forum dan pameran kesihatan mental. Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan sektor swasta dan sumbangan dari masyarakat dengan mengadakan beberapa acara, seperti Forum Kesihatan Mental, Pameran Kesedaran Kesihatan Mental, Mental Health Awareness Virtual Run 2020 : 10/30/50 km Run, Walk, Hike or Cycle Challenge.

Di samping itu, orang ramai juga memainkan peranan penting dalam membuat pelaburan kesihatan mental dengan menjadi teman, ahli keluarga atau anggota masyarakat yang sentiasa memberikan sokongan dan bimbingan bagi mereka yang memerlukannya dengan bertanyakan bagaimana

keadaan mereka dan jadilah pendengar yang baik sebagai tempat mereka meluahkan perasaan.

Kesimpulannya, rakyat dan penduduk di pelbagai peringkat usia di Negara Brunei Darussalam ini akan mendapat kemudahan kesihatan, termasuk kesihatan mental yang dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan dan kita perlu bersama-sama mengatasi stigma berkaitan dengan kesihatan mental.

**Nama : Siti Ummi Hani binti Haji Mat Johari  
No. Kad Pengenalan : 00-295097 (K)**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Negatif Kejadian Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 6 Januari 2021
2. 'Langkah Memartabatkan Tulisan Jawi'. Tarikh Tutup : 13 Januari 2021
3. 'Pendidikan Anak-anak Tanggungjawab Ibu Bapa'. Tarikh Tutup : 20 Januari 2021

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi  
BND75**

SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Buku tetap relevan dalam era globalisasi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 5 Januari. - Buku adalah gudang ilmu pengetahuan dan membaca adalah kuncinya. Keberadaan buku masih belum tergantikan peranannya oleh media informasi apapun yang berkembang saat ini.

Oleh sebab itu, kegemaran membaca buku masih relevan untuk dikembangkan atau dibudayakan kepada anak-anak.

Rujukan sumber belajar dalam

strategi pembelajaran bukan melalui media internet dan sampai sekarang buku-buku pelajaran tetap menjadi tunjang yang masih dominan dijadikan sumber juga bahan belajar.

Jika ada yang mencantumkan sumber belajar melalui internet, itu hanya sebagai sumber belajar juga pendukung, terutama sekali bagi para mahasiswa.

Berdasarkan kenyataan tersebut, perpustakaan sekolah masih

menjadi nadi sumber belajar bagi mahasiswa di sekolah.

Pihak sekolah perlu terus menempatkan keberadaan pustaka sebagai asas pengembangan kegemaran membaca anak-anak di era informasi.

Walau bagaimanapun, kempen galakan membaca seharusnya bermula di rumah dan diperkuuhkan di sekolah secara berterusan.

Kanak-kanak mudah tertarik kepada buku-buku yang mengandungi gambar-gambar dan ini sekali gus menarik minat mereka untuk membaca juga mengetahui lebih lanjut lagi tentang isi buku tersebut. Oleh itu, menanam minat membaca mestilah dilakukan secara berterusan sejak kecil.

Secara tidak langsung membaca dapat menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman kerana melalui pembacaan, pelbagai ilmu dapat dikembangkan secara meluas dalam kalangan kanak-kanak, pelajar juga orang dewasa.

Melalui buku yang bahasanya baik tepat dan betul juga akan dapat mendidik kemahiran berbahasa dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam era globalisasi kini, buku masih penting atau relevan sebagai bahan yang dapat mendidik kesantunan berbahasa,



**RUJUKAN** sumber belajar dalam strategi pembelajaran bukan sahaja melalui media internet kerana buku-buku pelajaran tetap menjadi tunjang yang masih dominan dijadikan sumber juga bahan belajar.

menambahkan ilmu pengetahuan dan tempat merujuk kepada bahan kajian berkaitan dengan ilmu pengetahuan.

Buku juga masih penting sebagai buku teks, buku rujukan dalam menambahkan ilmu pengetahuan.

Kini, buku bukan sahaja boleh dibaca melalui keadaan asalnya, malahan kebanyakan buku sudah melangkau jauh ke layar internet, iaitu e-buku dan memudahkan pembaca membacanya.

Bahan bacaan yang sesuai di sekolah atau pusat sumber mestilah bahan atau buku menggunakan bahasa yang baik

dan betul, sarat dengan ilmu pengetahuan juga dapat menambah pengalaman kepada murid.

Seperti tahun sebelumnya, pesta buku yang diadakan selama ini masih mendapat sambutan daripada orang ramai, khususnya pelajar, mahasiswa dan kalangan 'ulat buku' yang menjadikan hobi membaca sebagai penting dalam kehidupan mereka.

Kalangan ini sudah tentu menyebabkan mereka yang minat membaca tidak akan melepaskan peluang mengunjungi pesta buku yang diadakan setiap tahun.



**BUKU** adalah gudang ilmu pengetahuan dan membaca adalah kuncinya.

## Belia, belianis penerus budaya berdikir



**GAMBAR** Hiasan ... DIKIR Syarafil Anam merupakan salah satu khazanah yang berharga yang diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan merupakan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan sejak zaman berzaman (atas dan kanan).



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Selasa, 5 Januari. - Dikir Syarafil Anam merupakan salah satu khazanah yang berharga yang diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan merupakan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan sejak zaman berzaman.

Dikir Syarafil Anam mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian yang agung yang dimiliki oleh Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan berbagai keistimewaan.

Setentunya sesiapa yang membaca dan mengamalkannya akan beroleh pahala, berkat dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat syafaat dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam menyemarakkan lagi dikir-dikir tersebut, beberapa aktiviti berbentuk persembahan atau pertandingan diadakan,

khususnya para belia di negara ini agar dikir tersebut akan terus sahaja terpahat di hati umat Islam.

Bersempena dengan memperingati Sambutan 20 Tahun Penubuhan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1442H / 2020M baru-baru ini mengadakan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Belia dan Belianis Masjid Senegara, di mana sebanyak 18 pasukan berentap dalam pertandingan tersebut yang terdiri sembilan pasukan belia

masjid dan sembilan lagi pasukan belianis masjid.

Antara lagu-lagu dikir yang dibawakan, iaitu Alham, Khairuman dan Bishahrin (Dikir Syarafil Anam).

Melalui pertandingan seumpamanya, bukan sahaja mampu memberikan bimbingan, malah turut sama memberikan pendedahan dan peluang kepada para peserta, khususnya para belia dalam mempelajari teknik atau kaedah berdikir dengan cara yang betul agar dapat mempersembahkan Dikir Syarafil Anam dengan baik dan sempurna.

Ia juga sekali gus dapat menjadi

landasan dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu bacaan Dikir Syarafil Anam dari segi fashahah, lagu dan suara, selain

untuk menggalakkan para peserta supaya akan terus mempelajari dan menguasai lagu-lagu dikir agar dapat menyampaikan hajat masyarakat awam, khususnya bagi menyeriakan acara keagamaan.

Secara tidak langsung, ia juga akan dapat menggalakkan para belia supaya sentiasa mengamalkan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menjadikannya amalan harian dalam meraih keberkatan.

# Membiasakan kanak-kanak dengan suasana sekolah



**SUASANA** Hari Orientasi Taman Asuhan 1, di Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) bagi Tahun Akademik 2021.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Selasa, 5 Januari. - Seramai 131 kanak-kanak diterima untuk memasuki Kelas Taman Asuhan (TA) 1, di Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) bagi Tahun Akademik 2021.

Sehubungan itu, Hari Orientasi

TA 1 berlangsung selama tiga hari, bermula hari ini hingga 7 Januari, di kelas masing-masing.

Sementara itu, Pengetua TASKA YSHHB, Datin Hajah Zainab binti Haji Abdul Wahab semasa ditemui Pelita Brunei turut menerangkan, di mana TA berkenaan menyediakan dua sesi kelas, iaitu

lima kelas pada sesi pagi dan sebuah kelas pada sesi petang.

"Pada hari orientasi ini, ibu bapa boleh menemani anak-anak di dalam kelas dan membawa mereka balik lebih awal," katanya.

Menurutnya, kanak-kanak berkenaan juga akan menjalankan beberapa aktiviti, antaranya sesi suai kenal dan bermain Playdough.

"Tujuan hari orientasi ini adalah untuk membiasakan kanak-kanak

dengan suasana sekolah, bilik kelas, guru-guru dan rakan-rakan yang akan bersama mereka di dalam kelas nanti," ujar beliau.

Bagaimanapun, katanya, hanya seorang sahaja yang dibenarkan untuk menemani kanak-kanak di dalam kelas, pada hari keempat, sama ada ibu, bapa atau nenek mereka.

"Apa yang kami harapkan adalah para ibu bapa dapat memberi kepercayaan kepada kami dan guru-guru. Memang kanak-kanak akan menangis apabila kali pertama ditinggalkan di sekolah oleh ibu bapa kerana belum biasa dengan persekitarannya, namun insyaaAllah dalam masa dua tiga hari atau seminggu mereka akan terbiasa dengan suasana di sini," jelas beliau.

Bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure - SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan, ujar beliau, TASKA YSHHB turut mengamalkan langkah-langkah pencegahan bagi mengekang jangkitan COVID-19, langkah-langkah tersebut, termasuk pemeriksaan suhu badan dan memakai sungkup muka, selain itu, guru-guru di setiap kelas akan memastikan kanak-kanak sentiasa mencuci tangan mereka.

Bagi ibu bapa yang baru mengantar anak pertama mereka ke sekolah, pasti teruja kerana



**PENGETUA TASKA YSHHB**, Datin Hajah Zainab binti Haji Abdul Wahab semasa ditemui Pelita Brunei.

berpeluang untuk menyertai hari orientasi tersebut bersama anak mereka.

Abdul Qawiem bin Haji Abd. Rahman memberitahu, beliau bersama isterinya, Dayang Rozainah binti Haji Abd. Rahman membuat persediaan lebih awal dengan memberikan pendedahan mengenai pembelajaran asas kepada anak mereka, Muhammad Izqil Arian sebelum melangkah ke alam persekolahan, seperti pengenalan huruf dan menonton video-video dokumentari, berkaitan pendidikan awal yang bersesuaian bagi usia tiga tahun.

Abdul Qawiem berkata, beliau dan isteri memilih TASKA YSHHB untuk anak mereka kerana TA berkenaan sentiasa menyediakan pendidikan akademik dan kemudahan berkualiti sejak ia ditubuhkan kira-kira 20 tahun lalu.

## SCOT laksanakan inisiatif Social Store



**PENGERUSI** dan Pengasas Persatuan Society for Community Outreach and Training (SCOT), Md. Anwar bin Haji Mohammad.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Persatuan Society for Community Outreach and Training (SCOT) terus melangkah setapak lagi ke hadapan sebagai salah usahanya untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan yang kurang berkemampuan di negara ini dengan memperkenalkan inisiatif terbaharunya iaitu Perusahaan Social (Social Store).

Social Store ditubuhkan sebagai satu perusahaan yang berdaftar dan ia akan menyediakan produk-produk barang harian asasi dengan harga rendah

di mana ia dikhushuskan untuk golongan penerima-penerima Bantuan Kebajikan sahaja pada masa ini.

Pengerusi dan Pengasas Persatuan Society for Community Outreach and Training (SCOT), Md. Anwar bin Haji Mohammad yang ditemui media tidak lama dahulu menjelaskan bahawa pada ketika ini pihaknya baru melaksanakan fasa rintis (percubaan) untuk melihat terlebih dahulu maklum balas terhadap Social Store tersebut bagi mengetahui sama ada produk yang dijual adalah menepati permintaan pengguna atau tidak selain mendengarkan respons daripada mereka.

"Kami belum lagi melancarkannya secara terbuka. Pada masa ini, kami baru sahaja menyiapkan sistem dan melaksanakan fasa rintis di Kampung Bolkiah 'A' dan 'B' baru-baru ini untuk mencuba di pasaran sebelum membukakannya kepada orang awam," ujarnya.

Menurut Awang Md. Anwar lagi, Social Store merupakan sebuah inisiatif SCOT dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), bertujuan untuk membantu masalah pembekal komersial dalam lebahan stok makanan yang

tidak terjual kemudian menjualnya kembali di dalam bentuk pakej dengan harga yang rendah. Melalui inisiatif ini, ia dapat membantu mengurangkan masalah pembaziran makanan di negara ini.

Idea di sebalik inisiatif tersebut jelasnya, timbul daripada kajian yang mereka laksanakan semasa mengadakan kempen dan aktiviti amal pada bulan Ramadan setiap tahun, di mana pihak SCOT membuat kajian susulan terhadap para penerima.

Tambahnya, hasil susulan yang diperoleh daripada kajian ke atas 140 buah keluarga mendapati mereka tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli barang makanan asasi.

Dalam hubungan itu, jelas beliau, mereka juga sudah mencari pembekal yang dapat membekalkan pihak SCOT dengan produk barang asasi dengan harga yang berpatutan agar mereka dapat menawarkannya kepada pelanggan.

"Apa yang kami buat ialah menyediakan pakej *bundle* kerana kami juga perlu mempertimbangkan orang-orang tertentu dan kami reka pakej-pakej tersebut yang dihasrat akan dapat mendidik pelanggan-pelanggan dari segi aspek kewangan, agar mereka dapat mengesan

perbelanjaan bulanan mereka," ujarnya.

Pada dasarnya, Social Store ini jelasnya, bukanlah untuk semua orang. SCOT cuba untuk menawarkan barang asasi yang mampu milik dengan harga berpatutan namun dalam masa yang sama masih sensitif dengan pasaran semasa.

Beliau menambah, jika awda adalah salah seorang penerima

bantuan kebajikan, awda bolehlah membawa semua dokumen yang berkenaan kepada pihak SCOT, yang menunjukkan bahawa awda merupakan penerima bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) atau pernah menerima bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Ke muka 18



**SOCIAL** Store ditubuhkan sebagai satu perusahaan yang berdaftar dan ia akan menyediakan produk-produk barang harian asasi dengan harga rendah, di mana ia dikhushuskan untuk golongan penerima-penerima Bantuan Kebajikan sahaja pada ketika ini.

# Penghargaan buat warga Al-Huffaz

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Seramai 150 orang yang terdiri daripada tenaga pengajar Al-Huffaz Management dan Ahli-ahli Al-Huffaz Leaders, Al-Jilul Faatih, Ar-Razaq Funeral Management dan Muraja'ah Jamai'e BN menghadiri Majlis Malam Penghargaan anjuran Al-Huffaz Management di Hotel Wafa dan Apartmen, Kampung Mata-Mata, baru-baru ini.

Turut hadir ialah mentor-mentor Al-Huffaz Management iaitu Pengarah Urusan Adinin Group of Companies, Awang Haji Musa bin Haji Admin, Pemimpin Perniagaan (Bangladesh, Bhutan, Brunei dan Nepal) Microsoft, Awang Afif Mohamed Ali, Pengurus Kanan Perbankan Korporat, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Pengiran Sanusi Iskandar bin Pengiran Haji Ismail, Kaunselor Kanan Perniagaan, LiveWIRE Brunei, Awang Mohamad Fadhilullah Tudun bin Haji Hassan dan Ketua Pusat Inovasi Keusahawanan, Kementerian Pendidikan, Dr. Adna Shatriremie bin Abd Rahman.

Majlis yang diadakan itu adalah sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada semua tenaga



**PARA** tenaga pengajar Al-Huffaz Management dan Ahli-ahli Al-Huffaz Leaders, Al-Jilul Faatih, Ar-Razaq Funeral Management dan Muraja'ah Jamai'e BN pada sesi bergambar ramai pada Majlis Malam Penghargaan anjuran Al-Huffaz Management di Hotel Wafa dan Apartmen, Kampung Mata-Mata.

pengajar serta semua ahli-ahli organisasi di bawah Al-Huffaz Management.

Selain itu, majlis tersebut diselanjurkan dengan Majlis Kesukuran khususnya kepada semua keluarga Al-Huffaz kerana berjaya mengharungi tahun 2020

yang sangat mencabar bagi semua pihak.

Majlis ini juga diserikan dengan aktiviti Ice Breaking Games agar para tenaga pengajar dan ahli-ahli yang lain dapat saling berkenalan dan mengeratkan silaturahim.

Seramai 58 pemenang juga

terpilih menerusi cabutan rambang yang dicabut oleh para mentor dalam Cabutan Nama Bertuah yang hadir pada malam tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Al-Huffaz Management**

## SOP diikuti, tanggungjawab dijalani



**PENOLONG** Guru Besar Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria, Dayang Siti Hairani binti Haji Ibrahim ketika ditemui bual.



**PEGAWAI** Pendidikan, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Dayang Fadillah binti Haji Damit.

**KUALA BELAIT,** Isnin, 4 Januari. - Setelah hampir sebulan menjalani cuti persekolahan

yang bermula hari ini.

Walaupun wabak COVID-19 masih melanda dunia, namun di negara kita, ia masih dalam situasi terkawal, bagaimanapun perasaan khawatir tetap ada dalam diri ibu bapa dan penjaga.

Dengan mengikuti Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, para pelajar tetap meneruskan awal persekolahan mereka seperti biasa.

Ada guru-guru yang tidak sabar untuk bertemu bersama murid-murid mereka, walaupun masih berdepan dengan cabaran pandemik, sementara murid-murid pula berasa gembira kerana dapat bertemu semula bersama rakan-rakan sekolah.

Semasa temu bual Pelita Brunei bersama Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria, Dayang Siti Hairani binti Haji Ibrahim berkata, dengan kehadiran seramai 257 murid, suasana bersekolah pada hari pertama, para murid kelihatan ceria dan bersemangat, sementara itu pula, pihak sekolah juga tetap menjalani tanggungjawabnya dengan mencatat suhu badan setiap murid, manakala aktiviti sekolah pula dibahagikan kepada dua bahagian.

Ujarnya lagi, murid Rendah Bawah, Tahun 1 hingga 3, memulakan pembelajaran dengan membuat aktiviti yang disediakan oleh guru bertugas hanya di dalam kelas, sementara murid Rendah Atas, Tahun 4 hingga 6, mendengarkan taklimat daripada Pentadbiran Hal Ehwal Murid (HEM), yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

"Sementara waktu rehat juga dibahagikan kepada dua sesi, iaitu 9.30 pagi hingga 10.00 pagi, khusus untuk Murid Rendah Bawah, manakala Murid Rendah

Atas memulakan waktu rehat, dari 10.00 pagi hingga 10.30 pagi. Pra sekolah di sekolah ini akan memulakan persekolahan, pada 6 Januari ini," jelasnya.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Dayang Fadillah binti Haji Damit pula berkata,

suasana di sekolah tersebut berjalan seperti biasa dan masih mengekalkan peraturan SOP, seperti arahan daripada Kementerian Kesihatan dengan mengambil catatan suhu badan dan membuat penjarakan kedudukan pelajar di setiap kelas juga menyediakan pensanitasi tangan.

## Insiden masih dalam siasatan

**Siaran Akhbar :**  
**Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.**



**PEMERIKSAAN** suhu badan para pelajar tetap dilaksanakan oleh guru yang ditugaskan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Pihak pengurusan Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) dengan rasa dukacita memaklumkan bahawa salah seorang kakitangannya, warganegara China, dilaporkan hilang pada 29 Disember 2020 lalu apabila beliau gagal pulang setelah keluar dari kawasan Pulau Muara Besar iaitu pada waktu rehat semasa bekerja.

Pihak syarikat terus melancarkan misi pencarian dan memaklumkan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan keluarga mangsa yang hilang.

Pada 2 Januari 2021, mayat mangsa yang belum dikenal pasti dijumpai terapung di pesisir Pulau Rusukan Kecil, Labuan pada jam 10.34 pagi, menggunakan Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) Hengyi.

Insiden ini masih dalam siasatan dan pihak syarikat sedang bekerjasama bersama pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam dan Malaysia bagi mengenal pasti mayat berkenaan.

Sehubungan itu, pihak syarikat meminta kerjasama orang ramai agar tidak menyebarkan sebarang gambar ataupun maklumat yang tidak benar serta khabar angin bagi melindungi peribadi mangsa dan keluarganya.

Hengyi seterusnya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan mereka yang terkesan berikutkan tragedi ini.

# Garis panduan tetap dipatuhi



SUASANA pembelajaran murid di dalam kelas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Semua sekolah di negara ini, tidak kira kerajaan mahupun swasta di semua peringkat, iaitu rendah, menengah, institusi pengajian tinggi memulakan lembaran baharu sesi persekolahan bagi tahun 2021 pada hari ini, selepas menjalani cuti persekolahan akhir tahun selama satu bulan.

Seperi lazimnya, debaran kembali ke sekolah bukan sahaja akan dirasai oleh pelajar-pelajar malah ia juga turut dialami oleh para ibu bapa dan penjaga.

Hal ini kerana mereka lah orang yang bertanggungjawab bagi memastikan anak-anak mereka mempunyai persediaan yang lengkap bagi mulakan sesi pembelajaran bagi tahun 2021 sama ada dari segi penyediaan pakaian, buku-buku, peralatan dan sebagainya.

Pelita Brunei membuat tinjauan ke Sekolah Seri Mulia Sarjana (SMSS) dan menyaksikan guru-guru memeriksa suhu badan pelajar sejurus ketibaan murid-murid di kawasan penurunan yang dikhaskan

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

sebelum masuk ke kelas masing-masing.

Pemangku Guru Besar SMSS, Putri Maharani Simanjuntak ketika ditemui mengenai dengan perbezaan dan pembaharuan yang dibuat di sekolah ialah penambahan kegiatan kurikulum (CCA) dan kegiatan extracurricular (ECA) yang dibuat pada setiap Khamis iaitu Music and Motion, Knick Knack Crafts and Speech Choir bagi rendah bahawa.

Manakala penambahan kegiatan rendah atas ialah Home Economics; Wellness Programme; Creative Movement dan Speech Choir.

Pihak sekolah jelasnya, sentiasa mematuhi segala garis pandu serta langkah-langkah menjaga keselamatan, kebersihan dan pencegahan yang disediakan bagi memastikan kesejahteraan para pelajar dan warga sekolah terjamin di mana termasuk pemeriksaan suhu badan bagi sesiapa yang memasuki premis sekolah dan mengehadkan seorang penjaga untuk menghantar pelajar ke sekolah.

Beliau menekankan beberapa peraturan sekolah seperti kehadiran disiplin murid termasuk tentang waktu persekolahan.

Sempena Tahun Baharu ini, para pelajar juga diharap akan menanam keazaman bagi meningkatkan lagi motivasi dalam meraih kecemerlangan dalam bidang pendidikan berbanding tahun sebelumnya.

Jika ada pelajar yang kurang berjaya pada tahun 2020, mereka hendaklah melipatgandakan usaha dengan tekun dan gigih bagi mencapai kejayaan serta kecemerlangan dalam pelajaran pada tahun 2021.

Para pelajar juga hendaklah memanfaatkan peluang yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah membuat pelaburan dan memperuntukkan belanjawan yang amat besar kepada Kementerian Pendidikan untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang lebih kondusif bagi kemudahan pelajar-pelajar.

Justeru, para pelajar hendaklah belajar dengan lebih tekun dan berusaha mencapai kejayaan yang membanggakan agar setiap usaha yang telah dicurahkan oleh para ibu, bapa dan penjaga, di samping



**PEMANGKU Guru Besar Sekolah Seri Mulia Sarjana (SMSS), Putri Maharani Simanjuntak ketika ditemui Pelita Brunei dan memberikan pandangannya mengenai dengan perbezaan dan pembaharuan yang dibuat di sekolah berkenaan.**

guru-guru membuat hasil.

Kejayaan para pelajar adalah amat penting bagi negara kerana mereka lah generasi penerus yang akan membangun negara, agama dan bangsa selaras dengan Wawasan Brunei 2035, yang berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan berjaya menjelang tahun 2035.

# Medan pencerahan, penyebaran ilmu

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Menyediakan persekitaran yang baik dan Islamik serta melahirkan generasi yang berdisiplin dan bertanggungjawab merupakan peranan utama

sesebuah institusi keluarga. Justeru, masyarakat perlu peka dan mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing termasuk dalam menangani krisis rumah tangga, keruntuhan

keluarga, pengabaian tanggungjawab dan sebagainya.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat kajian Fiqh al-Usrah akan mengadakan Program Jaulah Fiqh al-Usrah iaitu mengadakan Kuliah Fardu Maghrib dan Isyak secara mingguan iaitu bermula pada 8 Januari hingga 26 Mac 2021 bertempat di masjid-masjid terpilih di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam, termasuk Masjid Kampung Beribi, Daerah Brunei dan Muara, Masjid Kampung Keriam, Daerah Tutong, Masjid Lorong 3, Seria, Daerah Belait dan Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Program tersebut diadakan untuk menjadi medan pencerahan dan penyebaran ilmu berkaitan dengan kekeluargaan daripada aspek pendidikan, undang-undang, bimbingan dan kaunseling, psikologi, sosiologi dan tanggungjawab individu dalam keluarga dan masyarakat.

Selain itu, menekankan Tarbiyah Islamiyyah sebagai asas dan pegangan hidup. Seterusnya, ia juga berobjektif untuk memberikan penjelasan tentang ilmu keibubapaan dan pendidikan kekeluargaan khususnya dalam konteks Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir.

Dalam masa yang sama, menjadikan institusi masjid sebagai medan tarbiyah dari segi mental dan rohani bagi pembentukan serta pembangunan keluarga yang mesra dan dekat dengan masjid.

Beberapa tajuk yang akan disampaikan dalam Kuliah Maghrib dan Isyak nanti termasuk 'Keluarga Cinta Al-Quran', 'Anak sebagai Saham', 'Tanggungjawab Suami

Isteri Dalam Rumah Tangga', 'Membentuk Syakhsiah Anak Menurut Al-Quran dan Sunnah', 'Amalan Harian Untuk Keluarga Berkah', 'Siapa Idola Anakmu' dan 'Solat Sebagai Tarbiyah Utama Kanak-Kanak' yang akan

disampaikan oleh para Pensyarah KUPU SB.

Maklumat lanjut mengenai program tersebut, bolehlah menghubungi Pusat kajian Fiqh al-Usrah, KUPU SB melalui talian +673 2236277.

**JADUAL KULIAH 2021/1442**

08 JAN KULIAH MAGHRIB JUMAT	06 FEB KULIAH MAGHRIB SABTU	05 MAC KULIAH MAGHRIB JUMAT
Ustaz Haji Mohd Shahrol Azmi bin Haji Muluk Tajuk: "Keluarga Cinta Al-Quran" Masjid Kg Beribi, Brunei Muara	Ustaz Haji Mohd Azmi bin Haji Omar Tajuk: "Benteng Akidah Keluarga" Masjid Kg Perpindahan Mata-Mata, Brunei Muara	Ustaz Hilman bin Haji Salim Tajuk: "Cara Nabi Mendidik Kanak-Kanak" Masjid Setia Ali, Muara
15 JAN KULIAH ISYAK JUMAT	12 FEB KULIAH MAGHRIB JUMAT	19 FEB KULIAH ISYAK JUMAT
Ustaz Hilman bin Haji Salim Tajuk: "Anak Sebagai Saham Akhirat" Masjid Kg Keriam, Tutong	Dr Moktar Rusdyi Tajuk: "Manual Keluarga Sakinah Menurut Al-Qur'an & Sunnah" Masjid Kg Tanjung Maya, Tutong	Ustaz Haji Md Syahiran bin Haji Sofian Tajuk: "Ketahui Tanggungjawab Dalam Berkeluarga" Masjid Kg Sinaut, Tutong
22 JAN KULIAH MAGHRIB JUMAT	26 FEB KULIAH MAGHRIB JUMAT	19 MAC KULIAH MAGHRIB JUMAT
Dr Haji Sham bin Haji Amin Tajuk: "Melongot Buluh Biar Dari Rebungnya" Masjid Lorong 3, Seria	Dr Abd Rauf Amri Tajuk: "Membangunkan Syakhsiah Anak Menurut Al-Qur'an & Sunnah" Masjid Kg Batu Apoi, Temburong	Dr Matussin bin Haji Jumat Tajuk: "Solat Sebagai Tarbiyah Utama Kanak-Kanak" Masjid Zainab, Lumut
29 JAN KULIAH MAGHRIB JUMAT	26 FEB KULIAH MAGHRIB JUMAT	26 MAC KULIAH MAGHRIB JUMAT
Dr Harapandi Dahi Tajuk: "Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Rumah Tangga" Masjid Kg Batu Apoi, Temburong	Dr Nazrin Muhibin bin Haji Ahad Tajuk: "Siapa Idola Anak Mu" Masjid Pekan Bangar, Temburong	Dr Nazrin Muhibin bin Haji Ahad Tajuk: "Siapa Idola Anak Mu" Masjid Pekan Bangar, Temburong

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam semasa berada di dalam masjid.

**Kementerian Kesihatan**  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## NASIHAT KEPADA PENIAGA MAKANAN UNTUK MENGURANGKAN PENYEBARAN COVID-19

Amalkan kebersihan diri yang baik semasa mengendali makanan.	Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air selama tidak kurang dari 20 saat.	Kerap mencuci dan menyah-kuman semua permukaan tempat kerja. Gunakan sabun pencuci atau pembasmi yang mengandungi 60-70% alkohol.
Menyediakan sanitiser tangan bagi pelanggan yang masuk dan keluar dari premis makanan.	Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter. Elakkan berhubungan rapat dengan sesiapa yang tidak sihat.	Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti penutup muka & sarung tangan boleh mengurangkan penyebaran COVID-19 jika digunakan dengan betul.
Amalkan kebersihan respiratori yang baik. Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Buang tisu dan cuci tangan.	Pengendali makanan yang tidak sihat hendaklah memaklumkan pengurus & tidak bertugas. Jika perlu, hubungi talian 148 untuk mendapatkan nasihat kesihatan.	Sedikan garis pandu pengurusan kakitangan yang tidak sihat. Ini termasuk panduan bagi kakitangan yang mula jatuh sakit semasa bertugas di premis makanan.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

# دُعَاءٌ مُّوْهِنٌ كَفَدَ اللَّهُ سُقَايٍ تِّرْسَلَامَةٌ دَرْفَدْ بِلَاءَ دَانْ سَكَلْ جَنِيسْ فِيَكِيتْ

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ  
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَّكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا  
سِنَةً وَلَا نُوْمًّا لَمَّا مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ  
إِلَّا يَادِنَّهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَعُودُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْقَضِي بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنْثَلُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَافِمُ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapaillah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَّقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرًا وَنَتوَعْنَ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ ( تُولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir (aurat) ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# SCOT laksanakan inisiatif Social Store

Oleh :  
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Dari muka 13

Sesudah memohon jelasnya, pihak SCOT akan memuat naik segala data ke dalam sistem yang seterusnya akan dipantau oleh agensi yang berkenaan contohnya seperti JAPEM dan kemudian barulah diluluskan.

"Kami memberi tumpuan kepada golongan dan keluarga yang berpendapatan rendah untuk membeli di perusahaan kami. Antara faedah yang boleh diperoleh setelah mereka mendaftar ialah, mereka akan diberikan 'Social Store Cash Card', untuk mengesan perbelanjaan kerana ia akan dapat membantu mereka bagi jangka masa lama. Di samping itu, mereka juga dapat mengumpul poin dan setiap bulan SCOT akan membuat cabutan bertuah untuk pembeli yang aktif," jelas beliau.

Awang Md. Anwar turut menyatakan bahawa Social Store tersebut juga akan mempunyai sebuah kedai tersendiri yang terletak di Lugu Industrial Park dan pada masa ini masih dalam proses disiapkan. Apabila sudah siap nanti, ia akan dibuka kepada orang awam namun fokus utama hanya untuk pelanggan yang berdaftar sahaja di mana matlamat SCOT adalah untuk dekat dengan masyarakat.

Inisiatif ini tambahnya masih lagi baharu dan pihaknya masih perlu mengadakan banyak promosi dan jerayawara untuk memperkenalkannya lagi kepada orang ramai. Apabila dilancarkan nanti, SCOT akan mengadakan jerayawara ke kampung-kampung dan lokasi yang strategik.

Sementara itu, ujarnya, orang ramai juga boleh membeli paket barang tersebut melalui Social Store untuk didermakan kepada golongan yang memerlukan dan pihak SCOT sendiri akan menghantarkan kepada para penerima.

Bagi mengetahui maklumat terkini dan lanjut bolehlah mengikuti laman media sosial Instagram Persatuan SCOT di @scot\_brunei atau @socialstore.bn.

## NASIONAL



### Kenali Bahasa Brunei

**bacacau-cacau** bermaksud berkelam-kabut atau berkacau-bilau pada suatu masa yang penting.  
Contoh pemakaian kata: masa **bacacau-cacau** manyambut pangantin laki, inda samana-mana bapa pangantin bini pingsan.

**bacakal** bermaksud bersenda gurau dengan saling menggulingkan yang kadang-kadang membawa kepada perkelahian, biasanya kanak-kanak.  
Contoh pemakaian kata: lapas baunjak-unjakan, **bacakal**ta bisdia tu, lapas atau karang bakalayi, ada tia bungi tangis bisdia.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



### KAMPUNG PANDAN 'B'



Foto : Dk. Nur Hafliah Pg. Osman

### SAYUR UMBUT KELAPA

#### BAHAN-BAHANNYA :

- 1 kg umbut kelapa
- 10 ekor udang hidup (dikupas kulit dan dipotong atasnya)
- 4 biji bawang merah (dihiris)
- 2 ulas bawang putih (dihiris)

Sedikit belacan

Santan pekat secukupnya

Garam dan serbuk perasa

secukupnya

Air

#### CARA MEMBUATNYA :

Umbut dipotong mengikut cita rasa sendiri. Masukkan bahan-bahan di atas ke dalam periuk, kemudian masak sehingga mendidih sekejap jangan sampai pecah minyak santannya.

كميترن كمبختن  
KEMENTERIAN KESEHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Lindungi Diri dan Orang Sekeliling  
Awda dari Menjadi Sakit.**

**CUCI TANGAN AWDA:**

- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghidapi tanda-tanda serupa dengan influenza
- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan menjadi kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

# Program Insyirah berikan nilai tambah, bentuk sahsiah murid

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Januari. - Terdapat di antara kita beranggapan bahawa hukum menuntut ilmu agama hanyalah sekadar sunnah sahaja, mendapat pahala bagi yang melakukan dan tidak berdosa bagi sesiapa yang meninggalkannya.

Padahal, terdapat beberapa keadaan di mana hukum menuntut ilmu agama adalah wajib atas setiap Muslim (Fardu Ain) sehingga berdosalah setiap orang yang meninggalkannya.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam



hadis sahih riwayat Ibnu Majah, iaitu 'Menuntut ilmu itu wajib atas setiap Muslim'.

Dalam hadis ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan tegas menyatakan bahawa menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas setiap Muslim, bukan bagi sebahagian orang Muslim sahaja.

Pemangku Guru Besar, Sekolah Ugama Masin, Dayang Marinah binti Mohamad semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan, pendidikan agama adalah diwajibkan kepada semua anak yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Beliau, seterusnya menjelaskan, pendidikan sekolah agama memfokuskan kepada pendidikan akhlak, menghalusi perbuatan juga bacaan dalam sembahyang, menghalusi bacaan Al-Quran dan

PENDIDIKAN agama adalah diwajibkan kepada semua anak yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 (kiri dan atas kanan).



membentuk sahsiah jati diri bagi setiap pelajar.

"Pada tahun ini, sesi pagi sekolah ugama di sini, telah ditambahkan satu program yang dinamakan Program Insyirah yang mengandungi beberapa aktiviti, seperti pembelajaran akhlak, tulisan jawi, dikir tausyeh / nasyid, Bahasa Arab dan Al-Quran / Doa.

"Program tersebut, antara lain bertujuan untuk mendukung pendidikan formal dan

memberikan nilai tambah kepada pengetahuan murid, selain untuk merealisasikan matlamat pendidikan Islam bagi membina dan membentuk sahsiah murid," tambahnya.

Pemangku Guru Besar, seterusnya berharap, supaya para pelajar akan dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan berjaya mempraktikkan setiap pendidikan yang mereka pelajari untuk kegunaan di luar nanti.

## Pertemuan semula erat silaturahim



PARA Alumni Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) bagi Pengambilan Pertama Aliran Inggeris 1975 pada sesi bergambar ramai pada Majlis Doa Kesukuran dan Pertemuan Semula yang diadakan untuk kali ke-2.

Berita dan Foto : Ihsan Alumni SMJA

**TEMBURONG**, Isnin, 4 Januari. - Alumni Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) bagi Pengambilan Pertama Aliran Inggeris 1975, baru-baru ini mengadakan Majlis Doa Kesukuran dan Pertemuan Semula yang diadakan untuk kali ke-2.

Majlis tersebut diadakan di Hotel Stoneville, Daerah Temburong dan dihadiri oleh

kira-kira 70 orang alumni (warga emas) sekolah berkenaan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah bekas-bekas pelajar sekolah berkenaan, di samping keluarga masing-masing. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dipimpin oleh salah seorang alumni.

Majlis tersebut juga diserikan dengan penyerahan cenderahati kepada semua alumni dan

diteruskan dengan sesi bergambar ramai.

Pengerusi Alumni, Awang Haji Bdurahman bin Haji Nasir dalam ucapannya menjelaskan bahawa tujuan majlis tersebut diadakan adalah bagi meraikan ahli-ahli alumni yang sudah mencapai umur 60 tahun.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim antara bekas pelajar dan beramah mesra serta bertukar-tukar pandangan, fikiran dan bertanya khabar antara satu dengan yang lain.

Selamatkan Usus Awda.  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Kementerian Kesehatan  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
 Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
 Selamatkan Usus Awda

# Berharap murid sentiasa beroleh kejayaan, kecemerlangan



SUASANA murid semasa dalam kelas (atas dan bawah).



## Pelajar ceria memulakan sesi persekolahan

Oleh :  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Isnin, 4 Januari. - Setelah bercuti selama satu bulan pada bulan Disember, pada hari ini, semua pelajar kembali memulakan sesi pembelajaran mereka di seluruh negara.

Pastinya, suasana sekolah kembali bergema dengan suara-suara pelajar dan pelbagai gelagat murid-murid yang gembira bertemu semula dengan rakan-rakan mereka bagi sama-sama memulakan sesi penggal persekolahan pertama bagi tahun 2021.

Pelita Brunei hari ini berkesempatan membuat tinjauan ke beberapa buah sekolah di Daerah Tutong bagi menyaksikan suasana di sekolah berkenaan.

Murid-murid kelihatan sangat gembira bertemu semula rakan

masing-masing dengan pakaian serba baharu malah berkenalan dengan rakan-rakan baharu.

Juga tidak ketinggalan, guru-guru kelihatan sibuk, mengatur dan membuat persediaan yang rapi bagi mengajar murid-murid mereka pada tahun ini.

Terdahulu, segala persediaan persekolahan sudah tentu disediakan lebih awal sebelum menjelang buka sekolah lagi dengan menyediakan buku, peralatan sekolah dan pakaian seragam bagi pelajar-pelajar agar tidak kelam kabut khususnya pada hari pertama persekolahan.

Berikut dengan negara yang masih dalam keadaan berjaga-jaga berikutan pandemik COVID-19, sebarang aktiviti di luar kelas seperti perkumpulan sukan dan

kokurikulum secara bersempena adalah masih lagi tidak dapat dilaksanakan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sehubungan itu, warga sekolah dan para pelajar adalah disarankan untuk terus mematuhi garis panduan serta langkah-langkah bagi menjaga keselamatan dan sentiasa menjaga kebersihan premis sekolah.

Pelaksanaan SOP pengembalian semula sekolah / pelan de-escalation, iaitu pemakaian sungup muka bagi pelajar dan tenaga pengajar, sentiasa mengamalkan penjarakan sosial, mengadakan pemeriksaan suhu badan setiap hari bagi pelajar-pelajar, guru-guru dan individu-individu serta mengimbas Kod QR bagi yang berurus dengan pihak sekolah adalah masih diteruskan dan dikekalkan.

Dalam pada itu, pelajar-pelajar sekolah digalakkan untuk

Oleh :  
Haniza Abdul Latif  
Foto :  
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Kecemerlangan dalam bidang pendidikan setentunya menjadi harapan dan matlamat bagi setiap orang, khususnya para guru kerana perkembangan dan kemajuan negara banyak bergantung kepada kecemerlangan juga kualiti pendidikan yang dihasilkan.

Untuk mencapai kecemerlangan, peranan yang dimainkan oleh para guru adalah sangat penting kerana mereka yang akan mencorakkan generasi pewaris bangsa, sama ada mereka mampu mengharungi kehidupan sebagai seorang yang ada kerjanya atau sebaliknya.

Dalam pendekatan Pelita Brunei bersama beberapa orang guru mengenai harapan mereka sepanjang tahun baharu 2021 bagi mendidik anak bangsa, rata-rata melahirkan harapan agar murid-murid didikan mereka akan sentiasa beroleh kejayaan dan kecemerlangan sebagai bekalan kehidupan mereka di masa hadapan.

Awang Muhammad Hasrul bin Haji Jaafar, semasa ditemui berkata, setiap guru pasti menaruh harapan yang tinggi buat anak-anak bangsa mereka.

Bertugas sebagai Guru di Sekolah Rendah Dato Marsal, Lambak Kanan, beliau berharap agar dapat mendidik anak bangsa dengan menerapkan nilai-nilai kebruneian dalam melangkah ke arah Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya lagi, para penuntut juga perlu dididik dengan norma baharu kehidupan berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini.

Bagi Dayang Ummi Balqis binti Morsidi pula, harapan beliau sepanjang tahun 2021 ini ialah supaya dapat lebih bekerjasama dengan ibu bapa untuk sama-sama prihatin dan



GURU ICT & BAT di Sekolah Menengah Rimba II, Dayang Ummi Balis binti Morshidi semasa ditemui bual.

memberikan sokongan juga kefahaman atas keperluan pembelajaran anak bangsa di dalam dunia yang semakin mencabar, demi melahirkan generasi yang lebih berwibawa, berdaya saing dan sentiasa berfikiran maju ke hadapan.

Tambah Guru ICT & BAT dari Sekolah Menengah Rimba II itu lagi, sebagai Rakyat Brunei, kita semua mestilah sentiasa bertindak dan berfikiran secara bijak.

"Jangan hidup seperti katak di bawah tempurung. Kita jua mestilah sentiasa berfikiran terbuka, tetapi masih berpegang kepada agama," jelasnya lagi.

Sementara itu, bagi Awang Shamsul Fadli bin Haji Awang Mohidi pula, beliau melahirkan harapan agar anak bangsa akan memiliki semangat belajar yang tinggi di sepanjang tahun 2021 ini dan tahun-tahun yang akan datang.

Menurut Guru Kanan Akademik, Sekolah Rendah Lambak Kanan, Jalan 49 itu, mencapai mutu pembelajaran yang selayaknya juga menjadi harapan beliau dalam mendidik anak bangsa sebagai bekalan mereka dalam menghadapi kehidupan yang cerah dan mencabar.



HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148  
WWW.MOH.GOV.BN

membawa sendiri sejada berukuran besar bagi kegunaan

mereka semasa menuaikan sembahyang fardu di surau.

# MAKLUMAN

## IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN  
JAWATAN KOSONG



PSC.BN

+673 7371961

PSC.BN

PSC.BN

query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN  
HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG  
DI KOMANWEL SEKRETARIAT LONDON

### JAWATAN

1. Assistant Research Officer  
Climate Change  
Young Professionals Programme  
Tarikh Tutup : 11 Januari 2021

UNTUK makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon terus melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI

BIL TAWARAN :  
JPA / 1.4 / SH2020 / 051

TAWARAN :  
RENOVATION WORKS AT  
LEVEL 5, LEVEL 6 AND LEVEL 8,  
BANGUNAN JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM,  
JALAN KUMBANG PASANG

TARIKH TUTUP TAWARAN :  
Selasa, 19 Januari 2021, jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN PROJEK :  
JKR / RFP / DWS / 004 / 2020

NAMA PROJEK :  
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)  
BAGI PERKHIDMATAN  
KONSULTAN -  
KAJIAN PERSEKITARAN BAGI  
MANGANESE DAN KANDUNGAN  
MINERAL YANG LAIN  
DI SEPANJANG SUNGAI TUTONG  
(TAWARAN SEMULA)

TARIKH TUTUP TAWARAN  
DILANJUTKAN PADA :



19 JANUARI 2021 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG YANG  
BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
DI DALAM III, IV & V  
KATEGORI M01

BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DME / 01 / BPB / 2021



NAMA PROJEK :  
TERM CONTRACT FOR  
OPERATION AND MAINTENANCE  
WORKS OF AIR-CONDITIONING  
SYSTEM FOR GROUP LOCATION 7  
FOR 2 YEARS

BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DME / 02 / BPB / 2021

NAMA PROJEK :  
TERM CONTRACT FOR  
OPERATION AND MAINTENANCE

WORKS OF AIR-CONDITIONING  
SYSTEM FOR GROUP LOCATION 8  
FOR 2 YEARS

TARIKH TUTUP :  
2 FEBRUARI 2021 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG

BIL. SEBUT HARGA :  
KHEU / JPI / JKS / 25 / 2020 - 2021

KETERANGAN :  
MEMBEKAL, MENGHANTAR,  
MEMASANG DAN MENGUJILARI  
MESIN PROJEKTOR MULTIMEDIA  
BERSERTA AKSESORI KIT  
MOUNT SILING UNTUK  
PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN DI  
SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA,  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA  
TAHUN 1442H - 1443H  
/ 2020M - 2021M

BAYARAN YURAN TAWARAN :  
Rabu, 6 Jamadilakhir 1442H /



20 Januari 2021M,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM  
MAHKAMAH TINGGI  
DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 256 / 2017**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**PG HJ MOHD ALINOR AMIRUDDIN  
SHAH BIN PG HJ OMARALI  
(BYIC No. 00-250192)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 Februari 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **11 Januari 2021, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **11 Januari 2021, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI  
ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 400 / 2017**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**MOHAMMAD ALIMIN BIN ABDUL  
RAHMAN  
(BYIC No. 00-284325)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Februari 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **11 Januari 2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **11 Januari 2021, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI  
ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 336 / 2014**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH  
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**AWANG RAMBLI BIN AHMAD  
(BYIC No. 00-062532)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 Januari 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **11 Januari 2021, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **11 Januari 2021, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh : 7 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI  
ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN) NO.  
BCY / ICWP / 2 / 2020**

**DALAM PERKARA AKTA  
PERINTAH INSOLVENSI, 2016 DAN  
INSOLVENSI (PENGGULUNGAN)  
ATURAN 2018  
DAN  
DALAM PERKARA MARWA HALAL  
FOOD SDN BHD**

**NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA  
PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Penggulungan bertarikh 6 Ogos 2020)

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa Perjumpaan Pertama Pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **11 Januari 2021, jam 11.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh : 9 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI  
ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 9 / 2020**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**FARAH EZZATI BINTI ALI  
(BYIC No. 01-039915)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Ogos 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **12 Januari 2021, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **12 Januari 2021, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI  
ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 22 / 2018**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**HAJI HAMIDON BIN HAJI JAMIL  
(BYIC No. 01-042687)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Ogos 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **12 Januari 2021, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **12 Januari 2021, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Disember 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI  
ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 450 / 2019**

**MALAYAN BANKING BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**AWANG MUHAMMAD AZEID BIN  
AWANG HAJI ABU BAKAR  
(BYIC No. 00-292514)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **24 September 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **13 Januari 2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **13 Januari 2021, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh : 14 Disember 2020

**NUR ELEANA  
BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

Dari muka 22

**KES NO. BCY / CP / 450 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**MUHAMMAD ASHRAF EHSANI BIN ABDULLAH**  
 (BYIC No. 01-069327)  
 - Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**  
 Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 November 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada 13 Januari 2021, jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 13 Januari 2021, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 5 Disember 2020

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN**  
 Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 432 / 2019**

**LIM HAN CHIONG**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**PG MOHD ABDULLAH AL-HATTA BIN PG HJ MOHD JA'AFAR**  
 (Trading Under the Name and style of Ace Jack company)  
 (BYIC No. 00-300467)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**  
 Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Oktober 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-7) Mahkamah Besar pada 13 Januari 2021, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 13 Januari 2021,

jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 15 Oktober 2020

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI MD. MASKUB**  
 Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 536 / 2019**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
 (previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**DAYANG AZLINA BINTI AWANG SABLI**  
 (BYIC No. 00-292510)  
 - Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 Ogos 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-7) Mahkamah Besar pada 13 Januari 2021, jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 13 Januari 2021, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 15 Oktober 2020

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI MD. MASKUB**  
 Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 104 / 2019**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**  
 - Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**ERNISUZZANAH BINTI HAJI HAMIDON**  
 (BYIC No. 00-292133)  
 - Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 Ogos 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di

atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-7) Mahkamah Besar pada 13 Januari 2021, jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 13 Januari 2021, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 19 Oktober 2020

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI MD. MASKUB**  
 Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

adalah ditetapkan pada 13 Januari 2021, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 19 Oktober 2020

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI MD. MASKUB**  
 Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 85 / 2020**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
 - Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**ISMANDI BIN ISMAIL**  
 (BYIC No. 00-272571)  
 - Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 Mei 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada 13 Januari 2021, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 13 Januari 2021, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 26 November 2020

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN**  
 Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
 JABATAN PERDANA MENTERI

**BIL TAWARAN :**

JPA / 1.4 / SH2020 / 052



**TAWARAN :**  
 INTERNAL REPAIR AND RE-PAINTING WORKS AT BANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, JALAN KUMBANG PASANG

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
 Selasa, 19 Januari 2021, jam 2.00 Petang.



# جوالن سالینان کهبر ۲ دیکنیتل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.  
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan  
satu keping cd adalah BND21.  
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima  
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam  
[laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)  
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil  
oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, TINGKAT 1,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# Tiada Permit Import Halal : 300.08kg daging mentah dirampas



ANTARA daging mentah yang dirampas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah bersama Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan berjaya merampas sejumlah 300.08 kilogram (kg) daging mentah yang dibawa masuk ke negara ini tanpa Permit Import Halal, pada 1 Januari 2021, di bangunan premis perniagaan,

kawasan Gadong.

Kesemua daging mentah tersebut ditemui semasa Pengawal Keselamatan Jabatan Bandaran menjalankan pemeriksaan di kawasan premis tersebut, pada jam 8.30 malam, di mana mendapati terdapat pencerobohan masuk untuk membawa daging mentah berkenaan.

Daging-daging mentah yang dirampas ialah 70.72kg daging sapi dan 37.76kg hati buyah

Siaran Akbar dan Foto :  
Bahagian Kawalan Makanan Halal

jenama Lockyer Valley Beef, 30kg daging kambing jenama Swift, 131.6kg daging kambing jenama Wammco, 20kg daging kerbau, jenama Allana dan 10kg daging sapi tidak berjenama, yang dibawa ke Ibu Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah bagi tindakan selanjutnya.

Rampasan dibuat berdasarkan kesalahan di bawah peruntukan Bab 9, Akta Daging Halal, Penggal 183, iaitu menawarkan untuk dijual atau menjual daging mentah tanpa Permit Import Halal, dan permit eksport dari negara yang mengeksport daging tersebut.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama bagi menyalurkan dan mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan penyeludupan daging mentah menerusi talian Hotline Bahagian Kawalan Makanan Halal, iaitu +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

Di samping itu, orang ramai

juga diingatkan bahawa setiap kemasukan daging halal ke negara ini hendaklah mempunyai kebenaran Permit Import Halal yang sah dengan mengikuti



DAGING-DAGING mentah yang dirampas ialah 70.72kg daging sapi dan 37.76kg hati buyah jenama Lockyer Valley Beef, 30kg daging kambing jenama Swift, 131.6kg daging kambing jenama Wammco, 20kg daging kerbau, jenama Allana dan 10kg daging sapi tidak berjenama.

## 2 individu dikompaun

Siaran Akbar dan Foto :  
Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait

**KUALA BELAIT,** Isnin, 4 Januari. - Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait, pada 30 Disember lalu

mengadakan operasi di bawah kawalan Jabatan Daerah Belait dan mengeluarkan dua kompaun kepada dua individu



UNIT Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait telah pun berkali-kali mengingatkan orang awam agar membuang sampah di kawasan yang disediakan dan ditetapkan agar tidak mencemari alam sekitar.

warga tempatan, berjumlah BND100 setiap seorang, kerana menyalahi Bab 12 (1) (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30, iaitu menyimpan atau meninggalkan sebarang benda atau barang apa pun di sebarang tempat, di mana ia atau butir-butir benda atau barang itu beralih atau mungkin beralih ke sebarang tempat awam.

Kedua-dua individu terbabit diberikan tempoh satu minggu untuk membayar denda tersebut dan sekiranya gagal menjelaskan, akan dikenakan denda sejumlah BND1,000 dan jika didapati melakukan kesalahan kali kedua, seterusnya akan didenda sejumlah BND3,000 dan dihukum penjara tidak melebihi tiga bulan.

Operasi ini bertujuan bagi memeriksa kebersihan di persekitaran premis perniagaan adalah terjaga agar tidak ada individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak terkawal di Daerah Belait.

Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait akan terus memantau dan rondaan akan terus dijalankan bagi mengelakkan perkara, seperti menyalahi undang-undang dilakukan.

Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait telah pun berkali-kali mengingatkan orang awam agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan juga persekitaran dengan membuang sampah di kawasan yang disediakan dan ditetapkan agar tidak mencemari alam sekitar.

Sebarang aduan bolehlah menghubungi menerusi talian +673 3334335 sambungan Bahagian Penguatkuasaan.

فُجَابَتْ سُورَهْ هَنْجَاهْ فِي خَدْمَتِ عَوَامْ  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu?  
Hubungi kami.

How can we help you today?  
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn



Hand holding a smartphone displaying contact information.

## Pekerja lari daripada majikan

Siaran Akbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei



HARUN Ar Rashid, warganegara Bangladesh yang dilaporkan lari daripada majikan.

**KUALA BELAIT,** Isnin, 4 Januari. - Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sungai Liang, Daerah Belait menerusi talian +673 3230250 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan juga ke laman sesawang [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) atau Instagram @upa.ppdb.

kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki yang lari daripada majikan, iaitu Harun Ar Rashid, warganegara Bangladesh dengan nombor pasport BD-BW0049136 dan nombor kad pengenalan 51-447607.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Sungai Liang, Daerah Belait menerusi talian +673 3230250 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan juga ke laman sesawang [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) atau Instagram @upa.ppdb.

# Inap Desa Seri Tanjung perkenal konsep 'keluarga' atau 'anak angkat'

**MPK SUNGAI BUNGA**

**BEDUDUN PACKAGE Day Trip**

**INCLUDES**

- Light refreshments
- Cruising along Sg Bunga River
- Visit Sultan Hassan Tombstone
- Product demonstration
- Kampung lifestyle
- Lunch /high-tea

**Package Fee**

\$85 per pax (min 5pax)
\$75 per pax (6 -10 pax)
\$65 per pax (11 - 15 pax)
\$50 per pax (16 - 20 pax)
\$45 per pax (21 - 25 pax)
\$40 per pax (26 - 30 pax)
\$35 per pax (31 pax above)

+6738912289/+6738657825

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Inap Desa Seri Tanjung, Kampung Sungai Bunga yang menawarkan pakej penginapan, berkONSEP menjadi 'keluarga' atau 'anak angkat' kini semakin mendapat perhatian masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh

dunia, Inap Desa Seri Tanjung kini mengalihkan pandangan mereka kepada penduduk NBD untuk terus menerus memperkasakan ekonomi penduduk Kampung Sungai Bunga.

Pemangku Ketua Kampung, Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, perkhidmatan yang

disediakan oleh Inap Desa Seri Tanjung, yang dikelolakan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga tersebut memberikan peluang kepada para pelancong dalam negara untuk mengenali dengan lebih dekat lagi mengenai budaya, adat resam dan gaya hidup masyarakat di Kampung Sungai Bunga.

Berikutnya kejayaan MPK Sungai Bunga dalam memberikan perkhidmatan yang luar biasa kepada para pelancong, sama ada dari luar maupun dalam negara, beliau seterusnya menjelaskan, Inap Desa Seri Tanjung berjaya memperoleh ASEAN Homestay Standard bagi Tahun 2016 - 2019; dan ASEAN Homestay Standard bagi Tahun 2019 - 2021; juga ASEAN Community Base Tourism bagi Tahun 2019 - 2021.

"Antara strategi kami dalam memberikan keunikan kepada para pelanggan kami adalah dengan memanfaatkan sumber kekuatan daripada masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang, lokasi kampung yang berada di Kampong Ayer dan eko sistem yang bersih.

"Masyarakat di NBD masih belum biasa dengan perkhidmatan inap desa, tapi alhamdulillah dengan pendedahan melalui media massa dan elektronik, masyarakat kini semakin memahami, maka beberapa rombongan kecil sekitar 15 orang ke bawah berminat membeli pakej ini, di mana kebanyakannya adalah dalam kalangan pelajar-pelajar dan persatuan-persatuan," tambahnya.

Sambutan daripada kalangan MPK yang lain pula adalah sangat menggalakkan, terutama dari Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong, majoriti berminat dengan pakej *day trip* sahaja, iaitu berkunjung dan berdudun ke Inap Desa Seri Tanjung, terang Pemangku Ketua Kampung lagi.

Awang Zaini, seterusnya menjelaskan, MPK Sungai Bunga akan terus menerus memberikan kesedaran kepada warga kampung



ANTARA yang mengunjungi Inap Desa Seri Tanjung.

untuk sentiasa mesra pelancong, selain mencari sumber kekuatan yang terdapat di Kampung Sungai Bunga

untuk diterokai, seperti bukit, hutan dan pulau berdekatan untuk dijadikan sebagai nilai tambah dan keunikan yang terdapat di Kampung Sungai

Bunga.

"Sebagai misalan yang terbaru, MPK Sungai Bunga, baru-baru ini telah melancarkan program atau pakej terbaru, iaitu aktiviti *hiking*, makan di lanting terapung, program perkhemahan dan lain-lain," ujarnya.



MELUANGKAN masa bersama di Inap Desa Seri Tanjung.

**ALAI PINTAR 041**  
SOALAN 6 JANUARI 2021, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Orang yang taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala diberi pahala dan dimasukkan ke dalam ..... .
  - Neraka
  - Syurga
  - Masjid
- Apakah yang mungkin terjadi pada pokok mangga ketika musim buah?
  - Berbunga
  - Berakar
  - Berlari
  - Bermusim
- Apa maksud perambahan Brunei 'galak rasa'?
  - Terasa malu
  - Sedih
  - Gembira

**TARIKH TUTUP : 18 JANUARI 2021**

## HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

## PEMENANG ALAI PINTAR 040 :

Nama : Muhammad Adib Darwisy bin Amdan  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0106331-01 Sekolah : Sekolah Rendah Pintu Malim

## SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah maupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
  - Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
    - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
    - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
    - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
    - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
  - Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
  - Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap
- Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....
- Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

## JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 040

- \$4.55
- a) 6
- c) Anak Sulung

# Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita

## Majlis Mandi Belawat



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Jabatan Penerangan

**B**AGI sesebuah puak atau etnik di negara ini masing-masing mempunyai adat tersendiri. Ini adalah disebabkan pengaruh serta warisan dari dahulu lagi. Apa yang menariknya, pelbagai puak mempunyai adat tersendiri yang diwarisi dari zaman nenek moyang lagi dan diteruskan sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, adat tersebut disesuaikan dengan ajaran agama Islam sebagai tonggak utama dalam sesuatu majlis yang dibuat.

Menyentuh mengenai adat warisan, satu majlis yang masih lagi diadakan sehingga ke hari ini ialah Majlis Mandi Belawat. Majlis Mandi Belawat merupakan majlis yang diadakan bagi menyambut kelahiran anak sulung atau anak mandaring bagi orang-orang Brunei. Majlis Mandi Belawat

ini lebih kepada majlis kesyukuran bagi ibu-ibu lepas bersalin dalam keadaan selamat dan anak yang dilahirkan dalam keadaan sihat.

Pada waktu dahulu, Majlis Mandi Belawat ini diadakan selepas tujuh hari anak damit tersebut dilahirkan. Terdapat banyak proses dan pantang larang yang harus diikuti oleh ibu-ibu yang baru lepas beranak sebelum Majlis Mandi Belawat. Ini adalah untuk memastikan si ibu dalam keadaan sihat sebelum membuat beberapa aktiviti. Memang tidak dinafikan ibu lepas beranak mempunyai banyak pantang larang untuk diikuti.

Kebiasaannya pada dulu-dulu, sebelum Majlis Mandi Belawat, ibu-ibu akan menjalani upacara mandi tiga hari yang dibuat oleh bidan. Dalam hal ini, air

mandian bagi ibu yang disediakan oleh bidan mengandungi akar-akar kayu dan pelbagai jenis bunga untuk mengembalikan seri dan aura ibu-ibu lepas beranak. Mandian ini juga bertujuan untuk membersihkan si ibu daripada darah-darah kotor, bau yang kurang enak selepas beranak dan sekaligus untuk menyihatkan tubuh badan ibu yang baru melahirkan. Antara bahan yang digunakan dalam mandian ibu ialah 'daun ringan-ringan'. Khasiat daun ini dipercayai akan membuat tubuh badan ibu berasa segar dan terasa ringan. Pada kebiasaannya, bukan setakat mandi tiga hari bahkan berterusan mandi tujuh hari, 14 hari dan mandi 40 hari, juga dengan air mandi yang diberi ramuan-ramuan yang sama seperti mandi pada tiga hari bagi memulihkan kesihatan si ibu.

Majlis Mandi Belawat ini dipercayai berasal dari Kampong Ayer. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh peredaran masa, Majlis Mandi Belawat ini kemudiannya turut diadakan juga oleh

puak lain seperti Puak Kedayan, Tutong dan Belait. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh seperti perkahwinan atau perpindahan ke kawasan yang majoritinya memang mengadakan majlis tersebut. Melalui perkahwinan seperti suami berasal dari Kampong Ayer setentunya akan membawa adat tersebut ke dalam keluarga baharu untuk diteruskan supaya adat itu tidak akan hilang begitu sahaja. Begitu juga dengan pengaruh di sekeliling. Jika satu puak berpindah ke kawasan puak majoriti yang mengadakan Majlis Mandi Belawat ini, tidak mustahil puak yang berpindah akan terikut dengan budaya ini, di samping untuk mengeratkan silaturahim sesama jiran.

Pada Majlis Mandi Belawat, ibu yang diraikan akan memakai pakaian yang cantik seperti pengantin dan begitu juga anak yang baru dilahirkan dipakaikan dengan baju yang cantik serta menarik. Kebiasaannya Majlis Mandi Belawat ini akan diserikan lagi dengan dikir dan menabur bunga rampai kepada ibu dan anak damit.

Terdapat perbezaan majlis Mandi Belawat antara dahulu dan sekarang. Jika dahulu majlis akan diadakan selepas tujuh hari dilahirkan tetapi sekarang majlis tersebut diadakan selepas 40 hari bahkan juga hingga mencapai dua hingga tiga bulan umur anak damit tersebut. Perubahan ini mungkin disebabkan faktor kesihatan ibu yang baru lepas bersalin atau faktor masa yang terlalu sibuk untuk mengadakan majlis sedemikian. Pada masa dahulu, tidak ada acara dikir dalam Majlis Mandi Belawat tetapi sekarang acara dikir sudah menjadi satu kemestian dalam setiap acara Mandi Belawat ini. Tetapi Majlis Mandi Belawat ini bukanlah wajib untuk diadakan bahkan ia tertakluk pada keadaan ekonomi atau kemauhan sendiri sama ada muah mengadakan majlis tersebut atau tidak. Walau apapun, majlis ini sebenarnya mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan kedua-dua belah pihak dan ungkap kegembiraan dengan kelahiran orang baharu.



# Ke arah perkhidmatan yang cekap, konsisten



Terjemahan oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
 Sumber : Voluntary National Review Report of Brunei Darussalam  
 Foto : Jabatan Penerangan



## Institusi Awam

**N**EGARA Brunei Darussalam menyedari pentingnya institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus terhadap pembangunannya dan juga pencapaian Agenda 2030. Penyampaian perkhidmatan, baik di sektor awam dan swasta, adalah salah satu fokus utama dalam Wawasan Brunei 2035.

Dalam mengukuhkan usahanya untuk memerangi rasuah, Akta Pencegahan Rasuah telah disemak pada tahun 2019. Biro Mencegah Rasuah (BMR), yang ditubuhkan pada tahun 1982, menguatkuasakan enakmen tersebut. BMR telah mengambil langkah-langkah untuk terus meningkatkan kemahiran dan peningkatan kemampuan para pegawaiannya dalam bidang pencegahan dan penyiasatan kes-kes rasuah dan kesalahan yang termasuk dalam Undang-Undang tersebut. Latihan tersebut juga merangkumi penyiasatan rasuah rentas sempadan menggunakan kaedah terkini dan amalan terbaik mengenai metodologi berkesan dalam membasmi rasuah dan strategi pencegahan. Kanun Kesekaan telah diubah pada Oktober 2018 untuk memperkenalkan hukuman yang lebih tinggi untuk kesalahan pecah amanah.

Negara Brunei Darussalam menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Rasuah pada tahun 2003 dan mengesahkan konvensyen pada Disember 2008. Peruntukan Undang-Undang, seperti Mutual Legal Assistance in Criminal Matters Order 2005 dan Criminal Asset

Recovery Order 2012, meningkatkan dan memudahkan kerjasama penyiasatan yang dilakukan dengan bantuan negara asing untuk mengesan pesalah dan perolehan rasuah yang dibawa dan disembunyikan di luar negara. Biro juga mengambil langkah untuk memperkuat hubungan dua hala dengan badan-badan anti rasuah di negara-negara jiran melalui pertukaran maklumat dan bantuan berkaitan dengan rasuah termasuk pengubahan wang haram dan hasil jenayah rasuah.

Usaha-usaha ini, antara lain, telah membawa peningkatan dalam kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International pada tahun 2019, di mana ia melonjak dari kedudukan Ke-41 pada tahun 2016 menjadi Ke-35 pada tahun 2019 dan merupakan negara kedua kurang rasuah di ASEAN.

Perbelanjaan kerajaan untuk kementerian dan jabatan diterbitkan setiap tahun, di mana cadangan belanjawan dibahas secara terbuka dalam mesyuarat Majlis Perundangan tahunan. Dasar dan rancangan pembangunan negara juga dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Untuk memenuhi keperluan masyarakat untuk perkhidmatannya, kerajaan menerapkan Piagam Pelanggan (Tekad Pemedulian Orang Ramai - TPOR), yang merupakan salah satu strategi utama yang bertujuan untuk memudahkan kementerian dan jabatan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan mereka. Dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) Jabatan Perdana Menteri, TPOR adalah pernyataan atau

komitmen bertulis oleh jabatan mengenai standard perkhidmatan / produk disampaikan, membolehkan orang ramai mengetahui dengan jelas dan tepat kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan tersebut.

Selain itu, Program Penggredan Prestasi Sektor Awam adalah pengukur untuk menilai dan mengukur tingkat prestasi Organisasi Perkhidmatan Awam sebagai salah satu usaha menuju peningkatan, kecekapan, keberkesanannya prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan platform bagi masyarakat untuk memberikan maklum balas mengenai kualiti penyampaian perkhidmatan. Kajian Kepuasan Pelanggan di Sektor Awam (Kajian Selidik Tumpuan Pelanggan - KSTP) bertindak sebagai semak dan keseimbangan untuk memastikan bahawa perspektif masyarakat mengenai keberkesanannya penyampaian perkhidmatan adalah konsisten dengan agensi kerajaan, 34 agensi kerajaan yang telah dipilih untuk menjalankan KSTP adalah agensi yang sering memberi perkhidmatan kepada masyarakat umum. Pemantauan dua tahunan berterusan dilakukan oleh agensi yang dikenal pasti dan oleh MSD.

Pihak kerajaan melalui MSD menyediakan masyarakat beberapa platform untuk menyampaikan keluhan dan keluhan mereka mengenai penyediaan perkhidmatan awam oleh semua agensi kerajaan, yang akan ditangani secara profesional oleh bahagian tersebut.

Penyediaan perkhidmatan yang cekap

kepada masyarakat juga ditingkatkan melalui pelaksanaan 'Talian Darussalam 123' (TD123) oleh Pusat Nasional E-Government. TD123 berfungsi sebagai kemudahan pusat panggilan nasional serba guna yang memusatkan dan mengarahkan aduan, pertanyaan dan permintaan maklumat ke satu platform utama, yang memungkinkan aduan dan permasalahan tersebut dapat ditangani secara efisien oleh sumber yang sesuai. Membolehkan orang ramai untuk berinteraksi secara langsung atau sebaliknya dengan agensi kerajaan memastikan penyebaran maklumat yang berkesan dan menjamin bahawa rakyat menerima maklumat yang boleh dipercayai.

Pada 2015, Sistem Pengambilan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Dalam Talian (PSCR) diperkenalkan, yang menggantikan sistem maklumat perkhidmatan awam yang digunakan sejak tahun 1999. PSCR membenarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk melakukan pengambilan pencari kerja dari peringkat awal hingga proses akhir dan memfasilitasi pengumpulan, penyatuhan dan penilaian data yang diperoleh untuk diproses. Bagi pencari kerja, PSCR memudahkan pencarian dan penyaringan kekosongan yang diiklankan dan membolehkan pengguna melakukan pelbagai tindakan dalam talian, seperti mengemas kini profil, mengemukakan permohonan pekerjaan, mengesan dan memeriksa status permohonan, dan menerima makluman mengenai ujian, wawancara dan hasil permohonan pekerjaan.



# Iran teruskan semula aktiviti pengayaan uranium sehingga 20 peratus

TEHRAN, 5 Jan. - Iran laksanakan semula aktiviti pengayaan uranium sehingga 20 peratus di kemudahan nuklear Fordow, lapor agensi berita Sputnik, memetik jurucakap kerajaan Ali Rabiei pada Isnin.

Pada Disember, Iran meluluskan undang-undang untuk meningkatkan pengayaan uranium dan menghentikan

pemeriksaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke atas tapak nuklearnya sebagai tindak balas terhadap kematian ahli fizik nuklear, Mohsen Fakhrizadeh.

"Beberapa hari sebelum itu, presiden Iran mengarahkan pengayaan (uranium) dimulakan sebanyak 20 peratus. Proses penyediaan gas UF6 (uranium

heksafluorida) dimulakan. Produk pertama akan diterima dalam beberapa jam," kata Rabiei dalam satu kenyataan.

Undang-undang itu juga menetapkan penggunaan pengempar generasi baharu untuk tempoh tiga bulan akan datang, termasuk 1,000 pengempar IR-2M dan sekurang-kurangnya 174 pengempar IR-6 dengan prospek

meningkatkan jumlah menjadi 1,000 menjelang akhir tahun.

Perjanjian nuklear Iran, yang dimeterai pada 2015, hanya menetapkan penggunaan empatan IR-1 generasi pertama dan pengayaan uranium pada tahap 3.67 peratus.

Pada 2015, Iran menandatangani Pelan Tindakan Komprehensif



Bersama (JCPOA) dengan China, Perancis, Jerman, Rusia, United Kingdom, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah.

Mewajibkan Iran mengurangi program nuklearnya dan menurunkan rizab uraniumnya sebagai tukaran kepada menarik balik sekatan, termasuk sekatan senjata selama lima tahun.

Pada 2018, AS memutuskan untuk menarik diri daripada perjanjian itu dan kembali mengenakan sekatan lebih ketat terhadap Iran. - ©BERNAMA

## England kuat kuasa sekatan pergerakan buat kali ketiga

LONDON, 5 Jan. - Perdana Menteri United Kingdom (UK) Boris Johnson pada Isnin malam mengumumkan England sekali lagi akan dikenakan sekatan pergerakan baharu sebagai usaha mengekang kes COVID-19 yang semakin merebak dengan cepat, lapor agensi berita Sputnik.

"Di England, kita terpaksa ...

kenakan sekatan pergerakan, langkah yang cukup sukar diambil tetapi perlu untuk membendung varian baharu ini. Bermakna kerajaan sekali lagi mengarahkan anda untuk duduk di rumah," katanya.

Keluar hanya dibenarkan untuk urusan penting seperti membeli barang keperluan, bekerja jika

tidak dapat melakukan dari rumah, bantuan perubatan atau mlarikan diri daripada penderaan rumah tangga.

Sekolah rendah, menengah dan kolej akan beralih kembali kepada pembelajaran secara dalam talian bermula Selasa, kecuali anak-anak golongan rentan dan petugas untuk sektor penting. - ©BERNAMA

## Varian baharu COVID-19 kini dikesan di New York

WASHINGTON, 5 Jan. - Mutasi baharu COVID-19 yang lebih cepat merebak sudah mula dikesan di New York, kata Gabenor Andrew Cuomo pada Isnin lapor Agensi Anadolu.

Sebelum ini ia dikesan di California, Colorado dan Florida.

Pesakit yang didapati positif itu berasal dari daerah Saratoga, New

York, umum Cuomo di akaun Twitternya.

Katanya, pesakit seorang lelaki, didapati tidak melakukan perjalanan dalam waktu terdekat dan kemungkinan dijangkiti daripada komuniti.

Amerika Syarikat (AS) kekal negara yang mencatatkan kes COVID-19 paling tinggi apabila

seramai 297,491 orang lagi dijangkiti pada Sabtu.

Kematian akibat virus itu memuncak pada 30 Disember apabila 3,750 lagi meninggal dunia.

Keseluruhan COVID-19 telah meragut 352,645 nyawa di AS manakala lebih 20.7 juta lagi dijangkiti. - ©BERNAMA

## AS sambut baik hasrat Arab Saudi - Qatar buka semula sempadan

WASHINGTON, 5 Jan. - Amerika Syarikat (AS) pada Isnin menyambut baik keputusan Qatar dan Arab Saudi mahu membuka semula ruang udara dan sempadan.

"Penyelesaian pertikaian selama tiga tahun itu adalah untuk kepentingan semua anggota (Majlis Kerjasama Teluk) GCC dan juga AS," kata jurucakap Jabatan Negara dalam satu kenyataan kepada Agensi

Anadolu.

Terdahulu, Kementerian Luar Kuwait mengumumkan Doha dan Riyadh telah bersetuju untuk membuka semula ruang udara dan sempadan bermula malam ini.

Perkembangan terbaru itu menandakan kejayaan dalam usaha mengakhiri krisis diplomatik yang menyaksikan Qatar berdepan sekatan oleh Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain dan Mesir sejak Jun

2017.

Menuduh Qatar menyokong keganasan dan campur tangan dalam urusan dalaman mereka, keempat-empat negara itu memutuskan hubungan diplomatik dengan Doha dan mengenakan sekatan darat, laut dan udara.

Qatar, yang disokong Turki, manafikan tuduhan itu dan menyuarakan kesediaan untuk berdialog bagi menamatkan kebuntuan. - ©BERNAMA

## 3,360 askar Armenia maut ketika pertempuran di Nagorno - Karabakh

YEREVAN, 5 Jan. - Seramai 3,360 anggota tentera Armenia maut dalam pertempuran yang meletus di Nagorno-Karabakh dari 27 September hingga 9 November, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Dari awal peperangan hingga hari ini, pemeriksaan forensik telah dilakukan terhadap mayat dan lebih 2,500 pemeriksaan genetik telah dilakukan," tulis Menteri Kesihatan Armenia, Arsen Torosyan di Facebook.

Pada akhir September 2020, pertempuran kembali meletus di Nagorno-Karabakh. Selepas beberapa usaha gencatan senjata dilakukan akhirnya pada 10 November 2020 satu perjanjian damai disepakati dengan Moscow selaku orang tengah.

Azerbaijan dan Armenia sepakat menghentikan pertempuran dan menukar tahanan serta menyerahkan mayat. Yerevan juga menyerahkan semula daerah Kalbajar, Lachin dan Agdam kepada Baku. Pasukan pengaman Rusia turut ditempatkan di wilayah itu. - ©BERNAMA

## Liverpool tewas 0 - 1 di tangan Southampton

ANKARA, 5 Jan. - Liverpool dikejutkan dengan kekalahan 1-0 kepada Southampton dalam perlawanan Liga Perdana Inggeris Isnin lalu, sekali gus menggugat kedudukan sebagai pendahulu liga, lapor Agensi Anadolu.

Bekas penyerang Liverpool, Danny Ings menjaringkan gol pada minit kedua dalam perlawanan yang berlangsung di Stadium St Mary's, memberikan kemenangan tipis kepada Southampton. Ini adalah gol Ings ke-50 untuk Liga Perdana.

Liverpool, mendahului takhta liga dengan 33 mata menerusi 17 perlawanan, kekal di puncak liga hanya dengan perbezaan gol.

Sementara Southampton, berada di tangga keenam dengan 29 mata.

Manchester United (MU) di tempat kedua memperoleh 33 mata dalam 16 perlawanan dan berpeluang menggugat kedudukan The Red Devils. MU akan bertemu Liverpool di Burnley pada 12 Januari. Pada 17 Januari, pula MU akan bertanding ke Stadium Anfield.

Tidak ketinggalan dalam persaingan pendahulu liga ialah Leicester City yang kini di kedudukan ketiga dengan 32 mata menerusi 17 perlawanan.

Tottenham Hotspur, Manchester City, Southampton dan Everton - masing-masing mempunyai 29 mata. - ©BERNAMA

## China tingkat kapasiti pengeluaran vaksin COVID-19

BEIJING, 5 Jan. - China akan terus memperkasakan lagi industri vaksin COVID-19 dan memperluas kapasiti pengeluaran untuk memastikan bekalannya mencukupi, lapor Agensi Berita Xinhua.

Naib Menteri Perindustrian dan Teknologi Maklumat Wang Jiangping pada Selasa berkata kapasiti pengeluaran negara akan terus dipertingkat sambil memastikan kualiti serta keselamatan vaksin.

Rancangan pengeluaran akan disusun dengan teliti untuk memaksimumkan keluaran dan memastikan bekalan vaksin COVID-19, kata Wang. - ©BERNAMA



# Ethiopia : Rundingan Empangan Nil disambung semula

**ADDIS ABABA**, 4 Jan. - Selepas hampir sebulan tertangguh, rundingan tiga hala antara Ethiopia, Sudan dan Mesir berhubung isu Grand Ethiopian Renaissance Dam (GERD) di

Sungai Nil disambung semula pada Ahad, lapor Agensi Anadolu.

Dalam kenyataan media dikeluarkan selepas mesyuarat secara maya itu, Kementerian Luar

Ethiopia berkata pihaknya bersetuju dengan dokumen yang dikemukakan pakar Kesatuan Afrika (AU). Sudan juga bersetuju sementara Mesir "menolak". Menurut kenyataan itu lagi, beberapa masalah yang tertangguh selama ini sudah dapat diselesaikan, hanya isu penggunaan Ethiopia di perairan Sungai Nil masih tertangguh.

Sejak Jun tahun lalu ketiga-tiga negara telah mengadakan perbincangan, AU bertindak sebagai perantara, selepas rundingan Washington yang diteraju Amerika Syarikat dan

Bank Dunia menemui jalan buntu. Perbincangan terbaru melibatkan menteri luar negeri dan menteri air dari ketiga negara, serta pakar yang ditugaskan oleh badan pan-Afrika, menurut Menteri Jurutera Air, Pengairan dan Tenaga Ethiopia, Seleshi Bekele, menerusi akaun Twitternya.

"Pembinaan GERD kini sudah mencapai 78 peratus," katanya. Beliau berkata perbincangan tertumpu mengenai peraturan dan garis panduan pengisian pertama dan operasi tahunan empangan.

Mesir membantah GERD sejak pembinaannya dimulakan pada

2011, kerana skim hidro akan mengurangkan aliran air di hilir. Ethiopia berpendapat empangan itu sangat penting untuk mengatasi kekurangan elektrik yang serius di negara ini. Ethiopia juga merancang untuk mengekspor lebih 6000 megawatt elektrik yang akan dihasilkan. Kerja-kerja menguji dua turbin akan dilakukan sekitar pertengahan tahun ini.

Rundingan terbaru itu diadakan di tengah ketegangan sempadan antara Ethiopia dan Sudan setelah tentera Sudan melintasi wilayah Ethiopia sejak dua minggu lalu. - ©BERNAMA

## EU, AS tolak permintaan Venezuela tarik balik beku aset

**Buenos Aires**, 4 Jan. - Beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) menolak permintaan Venezuela supaya menarik balik asetnya yang dibekukan bagi membolehkan negara berdepan sekatan itu dapat membeli vaksin COVID-19, lapor agensi berita Sputnik.

"Kerajaan Portugal, Sepanyol, United Kingdom dan AS serta institusi kewangan mereka telah membekukan dan menyekat dana untuk mengakses vaksin. Kita melalui WTO mahu mereka memberi kita akses kepada dana, permintaan kita ditolak," kata Presiden Nicolas Maduro pada Ahad.

Beliau menambah Naib Presiden Delcy Rodriguez telah mengadakan perbincangan dengan menteri luar negara terbabit, tetapi mereka menolak permintaan Venezuela.

Sebagai sebahagian usaha menggulingkan Maduro, AS dan negara Barat lain menyokong pemimpin pembangkang Juan Guaido dan mengenakan sekatan ke atas Venezuela selain membekukan asetnya di luar Negara. - ©BERNAMA

## Hyundai bakal bina loji sel bahan api hidrogen di China : Sumber

**SEOUL**, 5 Jan. - Hyundai Motor Co, pembuat kendaraan terbesar di Korea Selatan, bakal membina loji sistem sel bahan api hidrogen pertama di China dalam usaha untuk meneroka pasaran hidrogen tempatan, lapor Agensi Berita Yonhap memetik sumber industri.

Menurut sumber, Hyundai Motor merancang membina loji itu di Guangzhou dalam tahun ini dan sudah memperoleh persetujuan kerajaan.

"Hyundai Motor sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat China dijangka mengumumkan perkara itu seawal bulan ini," katanya.

Setakat ini belum ada sebarang kenyataan rasmi daripada Hyundai berhubung perkara itu.

Hyundai baru-baru ini melancarkan jenama yang didekarasikan untuk sistem sel bahan api dikenali HTWO dan menyasarkan jualan sebanyak 700,000 sel bahan api hidrogen di pasaran global pada 2030. - ©BERNAMA

## Industri dron berpotensi jadi titik pertumbuhan baharu China

**BEIJING**, 5 Jan. - Industri dron untuk kegunaan awam di China menyaksikan perkembangan pesat beberapa tahun kebelakangan ini, menyumbang hampir 80 peratus dalam pasaran global.

Syarikat DJI China kini menduduki tempat pertama dalam senarai pengeluar dron awam global, dengan dron gred pengguna menduduki kira-kira 70 peratus pasaran dunia.

Pakar menjangkakan industri itu akan menjadi titik pertumbuhan baharu ekonomi China.

Laporan Pasaran Dron 2020-2025 dikeluarkan firma penyelidikan dron Jerman menunjukkan, skala pasaran dron global pada 2019 mencecah USD18 bilion (RM72.1 bilion), dan diunjur meningkat sekali ganda mencatat USD42.8 bilion (RM171.6 bilion) pada 2025.

Pesawat tanpa pemandu (UAV) atau dron digunakan secara meluas dalam bidang seperti pertanian, perhutanan, pemetaan geografi, pemantauan alam sekitar, pemeriksaan talian elektrik dan penggambaran filem.

Industri dron turut dilihat berpotensi besar apabila berjaya mendapat pelaburan sebanyak USD4 trilion (RM16 trilion) bermula 2008 hingga 2019. - ©BERNAMA

## Jepun dijangka mulakan program vaksinasi COVID-19 hujung Februari

**TOKYO**, 4 Jan. - Jepun merancang memulakan program vaksinasi COVID-19 pada akhir Februari, kata Perdana Menteri Yoshihide Suga pada Isnin lapor agensi berita Sputnik.

Tokyo mempunyai perjanjian dengan Pfizer/BioNTech untuk membekalkan 120 juta dos vaksin, farmasi United Kingdom - Sweden, AstraZeneca 120 juta dos dan syarikat Amerika Syarikat, Moderna 50 juta dos.

"Kerajaan sedang mengadakan persiapan untuk memulakan program vaksinasi, mungkin pada akhir Februari, sambil terus mengkaji mengenai keselamatan dan keberkesanannya (vaksin)," kata Suga pada sidang media. Kementerian Kesihatan Jepun menjangkakan, sebaik vaksin COVID-19 diluluskan penggunaannya, 10,000 petugas perubatan menjadi kumpulan pertama menerima dos itu.

Menjelang Mac, seramai empat juta pekerja penjagaan

kesihatan dijangka menerima suntikan. Mulai April, mereka yang menghidap penyakit kardiovaskular, buah pinggang, paru-paru, hati, pesakit onkologi, serta yang mengalami masalah kegemukan (indeks jisim tubuh di atas 30) juga akan diberikan dos vaksin.

Pada awal Disember, Parlimen Jepun meluluskan rang undang-undang untuk pemberian vaksin COVID-19 secara percuma kepada penduduk. - ©BERNAMA

## Hasil kutipan filem sempena cuti tahun baru di China pecah rekod

**BEIJING**, 4 Jan. - Pasaran filem China mencatat kutipan jualan tiket sebanyak RMB1.3 bilion (RM800 juta) dalam tempoh tiga hari sepanjang cuti tahun baru 2021, sekali gus memecah rekod jualan terlaris berbanding tempoh sama beberapa tahun sebelum ini. Filem-filem

bermutu tinggi yang ditawarkan dikatakan menjadi satu daripada faktor utama menyumbang kepada prestasi itu. "A Little Red Flower", meskipun sebuah filem mengetengahkan tema berat

iaitu mengenai pertarungan melawan penyakit barah, namun cara penyampaianannya yang santai dan menyentuh perasaan, menjadikan filem itu paling popular dengan kutipan tiket mencecah RMB700 juta (RM430 juta) setakat Ahad.

Selain itu, promosi meluas untuk filem-filem yang bakal ditayangkan semasa cuti Tahun Baru Cina (TBC) juga menarik minat penonton. "The Rescue", filem menceritakan kisah Pasukan Penyelamat Marin

China, yang sepatutnya dijadual ditayangkan pada Tahun Baru Cina 2020, namun ditangguhan kerana penularan wabak COVID-19.

Filem ini turut menjadi satu lagi pilihan hangat penonton. Sejak awal tahun lalu filem terbitan tempatan kian mendapat tempat di hati penonton di China, berbanding filem import. Ia sekali gus mencerminkan peningkatan ketara kualiti filem-filem domestik, yang berjaya menarik semakin ramai penonton. - ©BERNAMA

## Korban COVID-19 di Brazil terus meningkat kini cecah 196,561

**RIO DE JANEIRO**, 5 Jan. - Brazil mencatatkan 543 lagi kematian akibat COVID-19 dalam tempoh 24 jam, menjadikan angka korban keseluruhan sebanyak 196,561, umum kerajaan pada Isnin, lapor Agensi Berita

Xinhua. Kementerian Kesihatan mengesahkan 20,006 kes baharu, menjadikan jumlah kes 7,753,752.

Sao Paulo, negeri paling ramai penduduk dan paling teruk terjejas, dengan 1,473,670

kes dan 46,888 kematian diikuti Rio de Janeiro sebanyak 439,345 kes dan 25,617 korban. Pada Isnin juga Brazil mengesahkan dua kes pertama membabitkan varian baharu COVID-19. - ©BERNAMA

# Trump masih enggan mengaku kalah - Laporan

WASHINGTON, 4 Jan. - Presiden Donald Trump dilaporkan mengadakan perbualan telefon dengan Setiausaha Negeri Georgia, Brad Raffensperger, dan mendesak Georgia untuk mengira semula undi, lapor agensi berita Sputnik.

Akhbar Washington Post, yang memperoleh rakaman perbualan itu pada Ahad melaporkan turut menyertai perbualan berkenaan setiausaha penasihat undang-undang, Ryan Germany.

"Apa yang ingin saya lakukan

hanyalah... saya mahu memperoleh 11,780 undi, yang lebih banyak daripada yang kita ada. Kerana kita menang di negeri ini," kata Trump.

"Tidak mungkin saya kehilangan Georgia. ... Tidak mungkin. Kami menang dengan ratusan ribu undi."

Trump berkata, jika Raffensperger gagal mendapatkan jumlah undi itu, beliau dan Ryan Germany bakal berdepan tindakan kerana memusnahkan kertas undi untuk menghalang siasatan.

"Itu kesalahan jenayah," kata Trump. "Anda tidak boleh membiarkannya. Itu risiko besar bagi anda dan Ryan, peguam anda."

Penjumlahan undi di Georgia dilakukan sebanyak tiga kali, setiap kali ia menunjukkan calon Demokrat Joe Biden menewaskan Trump dengan margin yang tipis. Biden diumumkan memenangi semua 16 undi elektoral di Georgia.

Pelantikan rasmi Biden sebagai

Presiden AS dijadual pada 20 Januari.

Trump, enggan akur dengan



kekalahannya walaupun 60 petisyen yang dikemukakan kempennya sejak sebulan lalu telah ditolak. - ©BERNAMA

## Dua lelaki miliki ganja cuba sogok polis ditahan

KUALA LUMPUR, 4 Jan. - Dua lelaki tempatan ditahan kerana cuba menyogok wang tunai RM2,900 kepada anggota polis setelah didapati memiliki dadah di Jalan Klang Lama di sini, Sabtu lepas.

Ketua Polis Daerah Brickfields ACP Anuar Omar berkata semasa kejadian pada kira-kira 2.30 petang itu, anggota Unit Rondaan Bermotosikal (URB) yang sedang membuat rondaan bertindak menahan sebuah kereta Honda City dalam keadaan mencurigakan yang dinaiki

dua suspek berusia 26 dan 32 tahun.

"Hasil pemeriksaan menemui dua balutan rokok mengandungi tumbuhan kering disyaki dadah ganja seberat 1.90 gram di dalam laci kecil sebelah pemandu.

"Suspek, bagaimanapun, cuba bertindak memberi sogokan kepada anggota polis sejumlah wang RM400 sebelum menaikkan jumlah itu kepada RM2,900," katanya dalam kenyataan di sini.

Anuar berkata namun anggota URB tidak menghiraukan

tawaran terlibat dan kedua-dua suspek ditangkap serta dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata suspek direman tiga hari sehingga esok manakala siasatan dijalankan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

"Sementara bagi kesalahan cubaan memberi sogokan akan disiasat pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia (SPRM) di bawah Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009," katanya. - ©BERNAMA

## Angka korban serangan di Niger meningkat 100 orang

DAKAR / ISTANBUL, 4 Jan. - Jumlah korban akibat serangan penganas di Niger pada Sabtu meningkat kepada 100 orang, lapor Agensi Anadolu.

Penganas menyerang kampung Tchombangou dan Zaroumdareye dekat dengan sempadan Mali di barat daya Niger, menurut Menteri Dalam Negeri Alkache Alhada.

Pegawai yang melawat tempat kejadian mengesahkan 100 orang maut akibat serangan itu.

Sumber tempatan menyatakan 25 mangsa yang cedera dipindahkan ke Niamey dan Ouallam untuk menerima rawatan.

Setakat ini, tiada kumpulan mengaku bertanggungjawab ke atas serangan itu.

Wilayah Tillaberi, menjadi sasaran penganas yang berpusat di Mali sejak 2017 menyebabkan darurat diisytiharkan di wilayah ini.

Negara dikeelingi daratan itu berdepan cabaran keselamatan dan kemanusiaan yang rumit. Niger menampung sekitar 230,000 pelarian dan 250,000 orang yang kehilangan tempat tinggal, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selama beberapa tahun, Boko Haram menganas negara ini dan membunuh sekurang-kurangnya 27 orang di wilayah Diffa bulan lalu. - ©BERNAMA

## Vaksin COVID-19 selamat, tiada kesan sampingan jangka panjang - MOSTI

KUALA LUMPUR, 4 Jan. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menegaskan vaksin COVID-19 yang akan digunakan nanti tidak memberi kesan sampingan memudaratkan kepada kesihatan untuk jangka masa panjang.

Timbalan Menterinya Ahmad Amzad Hashim berkata vaksin itu telah diuji secara klinikal dan akan dikawal selia Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan.

"Semua vaksin mempunyai kesan sampingan, yang penting

kesan sampingan itu tidak teruk dan berbahaya, namun setakat ini berdasarkan data yang kami terima tidak ada kesan serius terhadap vaksin ini.

"Sebahagian besar kesan sampingan adalah sementara sahaja misalnya rasa sakit apabila disuntik, sebahagiannya mungkin demam atau loya," katanya ketika ditemui selepas menjadi tetamu program Jendela Fikir terbitan Bernama Radio hari ini.

Ahmad Amzad berkata pihaknya akan memberi pendedahan dan menyalurkan maklumat yang tepat

berkenaan vaksin bagi meyakinkan dan membuang keraguan masyarakat, sekali gus mencapai sasaran 70 peratus rakyat menerima vaksin COVID-19 pada suku pertama tahun ini.

Sehingga ini Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan Pfizer dan BioNTech untuk memperoleh 12.8 juta dos vaksin. Negara juga bakal menerima 6.4 juta lagi dos vaksin daripada AstraZeneca selain daripada beberapa lagi pembekal. - ©BERNAMA

## Arab Saudi buka semula semua pintu sempadan

RIYADH, 4 Jan. - Arab Saudi pada Ahad membuka semula semua sempadan laut, darat dan udara yang ditutup 20 Disember lalu berikutan varian baharu virus COVID-19, lapor Agensi Anadolu memetik Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Individu dari United Kingdom dan Republik Afrika Selatan yang mahu memasuki Arab Saudi dan tidak mempunyai kewarganegaraan, diwajibkan menjalani kuarantin sekurang-kurangnya 14 hari di negara yang tidak mencatatkan kes membabitkan varian baharu itu.

Sementara penduduk Arab Saudi yang dibenarkan memasuki negara itu untuk tujuan kemanusiaan atau sebab-sebab lain, perlu menjalani kuarantin 14 hari di rumah dan mengambil ujian PCR pada hari keenam ketibaan mereka. - ©BERNAMA

## Jepun mungkin isytihar darurat di Tokyo, tiga wilayah lain

TOKYO, 4 Jan. - Perdana Menteri Jepun Yoshihide Suga pada Isnin berkata kerajaan merancang mengisytiharkan darurat di Tokyo dan tiga wilayah sekitarnya berikutan peningkatan kes COVID-19, lapor Agensi Berita Xinhua.

Pada sidang media pertama tahun 2021, Suga turut berkata Jepun merancang memulakan vaksinasi COVID-19 bermula akhir Februari.

Sebelum ini pada April Jepun pernah mengisytiharkan darurat.

Berikutan lonjakan kes baru-baru ini, Gabenor Tokyo Yuriko Koike dan rakan sejawatannya di Chiba, Kanagawa dan Saitama pada Sabtu mendesak kerajaan pusat mengisytiharkan darurat. - ©BERNAMA

## Jumlah korban COVID-19 di Amerika Selatan hampiri setengah juta

ANKARA, 4 Jan. - Angka korban akibat COVID-19 di Amerika Selatan kini menghampiri setengah juta dengan 365,000 kematian dilaporkan pada Isnin, lapor Agensi Anadolu.

Menurut Johns Hopkins University, Brazil terus menjadi negara paling teruk diancam apabila lebih 196,000 orang meninggal dunia, hampir lima kali ganda jumlah korban di Colombia yang merekodkan 44,000 kematian - kedua tertinggi di rantau ini.

Diikuti Argentina dan Peru masing-masing hampir 43,500 dan 37,800 kematian.

Chile dan Ecuador di kedudukan enam teratas, Chile dengan 16,800 kes kematian manakala Ecuador lebih 14,000 kes.

Bolivia melaporkan 9,201 korban COVID-19 dan negara-negara Amerika Selatan lain mencatatkan kematian di bawah angka 3,000.

Sementara itu, media tempatan melaporkan angka kematian di wilayah Amerika Selatan dan Caribbean sudah melebihi setengah juta. - ©BERNAMA

## Thailand bakal terima 2 juta dos vaksin COVID-19 dihasilkan Sinovac

BANGKOK, 4 Jan. - Thailand yang ketika ini dilanda gelombang kedua wabak COVID-19, bakal menerima dua juta dos vaksin dibangunkan syarikat farmaseutikal China, Sinovac Biotech Ltd bulan depan.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Kesihatan Awam berkata penghantaran pertama - 200,000 dos dijangka tiba pada akhir Februari, 800,000 dos pada akhir Mac dan satu juta dos penghujung April.

Thailand sedang bergelut mengekang penularan gelombang baharu wabak yang mula dikesan di pasar makanan laut di wilayah Samut Sakhon pada pertengahan Disember. Sehingga kini, ia telah merebak ke Bangkok dan 52 wilayah lain. - ©BERNAMA

# Sukan

## INFO SUKAN

**SUKAN** lasak adalah jenis sukan yang memerlukan kelengkapan seperti alat keselamatan dan alat yang khusus untuk sukan tersebut. Antara sukan lasak yang ada di Negara Brunei Darussalam adalah seperti sukan papan luncur (skateboarding), kasut luncur (roller skating), BMX dan lain-lain.



ePaper Pelita Brunei

## Rancang, utamakan keselamatan sebelum mendaki

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 4 Januari. - Menurut sumber tertentu, mendaki merupakan sejenis aktiviti lasak yang memerlukan peneraju aktiviti ini untuk berjalan, di atas binaan

alam semula jadi atau lebih tepat lagi mengikut aliran *trail* pendakian.

Aktiviti ini sangat sinonim dilakukan di kawasan berbukit-bukau, bergenung-ganang, berlembah atau

bergenting tinggi yang berbatu, berpasir atau bertanah alun.

Lazimnya, aktiviti lasak ini terbuka kepada semua peringkat umur iaitu daripada peringkat kanak-kanak hingga dewasa malah aktiviti ini semakin diminati dan menjadi trend ketika ini.

Di samping itu, melakukan aktiviti ini juga memberikan manfaat dalam menjaga kesihatan tubuh badan manusia. Antara manfaatnya ialah ia dapat menurunkan risiko penyakit jantung, mengurangkan tekanan, menurunkan tekanan darah dan kadar gula darah, menguatkan otot tulang dan sebagainya.

Antara tempat yang sering dijadikan untuk aktiviti *hiking* ialah Bukit Amboq, Bukit Saeh, Bukit Mejawa, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, Taman Rekreasi Tasek Lama, Taman Riadah Bukit Sipatir dan banyak lagi.

Namun sebelum melakukan aktiviti pendakian, orang ramai disarankan terlebih dahulu untuk membuat perancangan dan persiapan seperti persediaan menyelidiki tempat tersebut bagi mengetahui berapa lama aktiviti pendakian dibuat di tempat tersebut dan sejauh mana kilometer yang akan ditempuhi.

Di samping itu, orang ramai yang ingin melakukan aktiviti pendakian, perlulah mendapatkan maklumat tentang keadaan cuaca khususnya di laman sesawang [bruneiweather.com.bn](http://bruneiweather.com.bn) sebelum melakukan aktiviti tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku seperti hujan di mana setentunya akan menyebabkan *trail* menjadi licin dan berlumpur serta boleh membahayakan.

Para pendaki juga dinasihatkan untuk melakukan aktiviti tersebut secara berkumpulan, ini kerana jika berlaku perkara yang tidak diingini, ia akan memudahkan yang lain untuk mendapatkan pertolongan.

Namun tidak dapat juga dinafikan, terdapat pendaki yang gemar melakukan aktiviti itu secara bersendirian dan dinasihatkan untuk membawa kompas atau navigasi.

Selain itu, pendaki juga perlu memastikan untuk menggunakan peralatan lengkap dan pakaian yang dikhaskan untuk mendaki. Peralatan tersebut merangkumi navigasi, kasut khas untuk mendaki, krim perlindungan dari sinar matahari, peralatan pertolongan cemas dan bekalan minuman yang mencukupi bagi mengelakkan dehidrat.

Sehubungan itu, dalam Siaran Akbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) baru-baru ini, sering mengingatkan kepada orang ramai, khususnya bagi penggemar aktiviti mendaki agar memastikan dan mengambil tahu akan keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan tidak meneruskan aktiviti jika keadaan sudah mulai gelap.

Selain itu, jangan mendaki bukit secara berseorangan kerana ditakutkan perkara yang tidak diingini berlaku dan hendaklah maklumkan kepada keluarga atau kawan-kawan di mana tempat yang hendak tuju.

Untuk keselamatan semasa *hiking* disarankan agar sentiasa membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air bagi keperluan, jika berlaku kecemasan.



UNTUK keselamatan semasa hiking disarankan agar sentiasa membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air bagi keperluan, jika berlaku kecemasan.

## Logo, identiti visual baharu pertandingan AFC diperkenalkan

**KUALA LUMPUR**, 4 Jan. - Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) hari ini melancarkan logo dan identiti visual baharu untuk pelbagai kejohanan melibatkan pasukan kebangsaan serta kelab di rantau ini.

Ia merangkumi pertandingan Kelayakan Asia AFC (untuk Piala Dunia Qatar 2022), Piala Asia AFC, Piala Wanita Asia AFC,

Piala Asia Bawah 23 Tahun AFC serta pertandingan tahunan melibatkan kelab iaitu Liga Juara-Juara Asia AFC dan Piala AFC.

Presiden AFC Shaikh Salman Ebrahim Al Khalifa berkata badan induk itu mahu menjadikan pertandingan yang dianjurkan lebih relevan mengikut pelbagai kumpulan peminat, selain

menjadi wadah unik acara bola sepak tersohor di Asia.

"Kami teruja untuk memulakan Tahun Baru dengan jenama pasukan kebangsaan dan pertandingan kelab AFC yang baharu. Saya yakin identiti visual baharu ini akan bersebaran di seluruh Asia dan seluruh dunia dan saya tidak sabar untuk

melihatnya disiarkan di media sosial dan siaran TV," katanya dalam satu kenyataan.

AFC menyatakan logo baru itu akan dipaparkan pada semua pertandingan AFC pada tahun-tahun akan datang, dari venue pertandingan sehinggalah kepada siaran televisyen dan saluran media sosial. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**AMALKAN SIKAP PEMANDUAN BERHEMAH**

دربیتکن اوله جابتن فراغن، جابتن فردا منtri دان دجیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam